


**Jilid I
Bil. 47**



**Hari Jumaat
11hb Januari, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4573]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen [Ruangan 4602]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N. C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B. S.T. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 11hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SINDIKET EMPAT DAN TIGA
NOMBOR EKOR TANPA LESEN

1. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sindiket Empat dan Tiga Nombor Ekor menjalankan perniagaan mereka tanpa lesen di merata negeri ini. Jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil untuk mencegah aktiviti perjudian tanpa membayar hasil kepada negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memanglah menyedari tentang adanya sindiket-sindiket yang menjalankan Perjudian Empat dan Tiga Nombor Ekor itu dengan secara haram dan pihak polis sentiasalah membuat serbuan-serbuan dan juga tangkapan-tangkapan terhadap penganjur-penganjur, pengutip-pengutip dan juga pelanggan-pelanggan judi ekor haram yang berkenaan. Ini ialah juga bergantung kepada maklumat-maklumat yang diterima daripada orang ramai mengenai dengannya. Misalnya, daripada tahun 1975 hingga kepada bulan November, 1979 yang lalu sebanyak 4,143 serbuan telahpun dilakukan dan seramai 173 orang penganjur-penganjur perjudian tersebut telahpun dihadkan kediamannya di bawah Enakmen Kediaman Terhad (Bab. 39).

Dalam jangka masa yang sama juga iaitu seramai 3,689 orang pengutip-pengutip dan sebanyak 418 pelanggan-pelanggan telah ditangkap di bawah undang-undang Ordinan Rumah Judi Am No. 26/53. Buat masa ini pihak polis akan terus mengambil segala tindakan-tindakan terhadap mereka yang terlibat itu di bawah undang-undang yang tertentu dari satu masa ke satu masa.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Perlembagaan Ugama Islam ugama negara. Ugama Islam mengharamkan judi dan sekarang timbul pula Judi Tiga dan Empat Nombor Ekor yang memang haram seperti soalan Ahli Yang Berhormat itu. Kalau sudah demikian jadinya tidakkah ada terniat dalam hati Kerajaan diadakan Akta mengharamkan judi dan loteri yang telah diadakan dan dibenarkan oleh Kerajaan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini sangat ghairah melihatkan serbuan yang begitu cekap dibuat oleh anggota polis kita dan kita dapat tahu pula ramai pelanggan-pelanggan yang dapat ditangkap. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian ini adakah Kerajaan bercadang akan membuat satu kajian bahawa judi yang disebutkan ini supaya diberikan lesen untuk mendapatkan hasil kepada negara?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ialah judi tersebut iaitu Judi Empat dan Tiga Nombor Ekor ini dilesenkan oleh Kerajaan supaya ianya terkawal tentang jenis perjudian yang tersebut dan perlesenan ini

sememangnya segala hasil atau keuntungan yang didapati daripada perniagaan yang tersebut akan mendapat hasil juga kepada Kerajaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Judi Empat dan Tiga Nombor Ekor ini memanglah Kerajaan telah memberi lesen. Oleh kerana nampaknya ramai sangat orang berminat untuk berjudi ini maka dengan sebab itu diadakan Judi Empat dan Tiga Nombor Ekor. Oleh kerana untuk menambah lebih banyak lagi hasil Kerajaan diadakan Judi Empat dan Tiga Nombor Ekor ini. Kalau ada judi berlesen begitu orang tidaklah liar mencari judi-judi haram ini. Ataupun oleh kerana Kerajaan memikirkan negara kita adalah negara Islam walau macam mana berjudi walaupun untuk welfare adalah judi maka dengan sebab itu Tuhan telah memberikan kita banyak minyak sekarang. Oleh sebab hasil yang diberi oleh Tuhan daripada minyak itu bolehkah Kerajaan memikirkan judi ini ditutup sahaja sebab judi dilesen dari setahun ke setahun. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama juga dengan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah tadi. Saya rasa soalan ini lain sedikit daripada kehendak soalan yang asal itu.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara judi haram ini memang ada sindiket dan berlaku bila ada perlawanan kuda, mereka menjual tiket haram sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah adakah Kementerian ini sedar ada kemungkinan pegawai polis yang tertentu yang melindungi sindiket ini daripada dibocorkan dan kemudian mereka tidak dapat ditangkap oleh pihak Polis. Adakah Kementerian ini sedar perkara ini ada berlaku?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang sedar di atas masalah yang tersebut dan memang memberi perhatian dan diharapkan supaya maklumat berhubung dengan perkara tersebut diberikan

oleh orang ramai dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat supaya langkah-langkah yang berkesan dan tegas dapat diambil.

Tuan Ismail bii Hashim: Soalan tambahan saya begini. Adakah disebabkan kedai Empat Ekor atau Tiga Ekor itu menjual tiket itu terhad kepada pembeli, maka dengan sebab itu bahawa penjual tiket judi haram itu berleluasa. Bolehkah atau tidak Kementerian berkenaan untuk menambahkan lesen ataupun tidak menghadkan lagi kedai yang menjual Nombor Empat Ekor itu kepada orang ramai. Soalan kedua, bolehkah Kementerian memberikan lebih banyak lagi lesen supaya mengelakkan penjualan Empat Ekor secara haram?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen sama ada Tiga atau Empat Ekor ini memang dihadkan beberapa banyak dalam sesuatu kawasan atau sesuatu tempat dan pihak yang berkenaan iaitu pihak pelesen memanglah mengkaji permohonan-permohonan jika ada sebelum dibenarkan lesen-lesen tersebut sama ada di kawasan-kawasan itu perlu ditambahkan lesen itu ataupun tidak.

JAMBATAN PULAU PINANG— TANAH BESAR

2. Tuan T. S. Gabriel bertanya Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan dapat menyiapkan pembinaan Jambatan Pulau Pinang-Tanah Besar Semenanjung dalam tempoh tahun 1984; dan nyatakan bilangan lorong untuk lalulintas yang akan diadakan atas Jambatan itu;
- (b) berapa (streams of traffic) garisan jambatan tersebut akan diadakan; serta
- (c) perbelanjaan untuk membina jambatan tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penyiapan projek Jambatan Pulau Pinang—Tanah Besar dalam tahun 1984 itu adalah jangkaan

sahaja. Walau bagaimanapun usaha-usaha akan diambil untuk memastikan projek itu dijalankan mengikut jadual. Peringkat pertama pelaksanaan projek itu iaitu kerja-kerja rekabentuk dan kerja menambak telah siap dan sedang bermula masing-masing. Kos kerja-kerja tersebut adalah sebanyak \$25 juta. Kerja-kerja pembinaan jambatan seterusnya akan dijalankan secara pukal (package deal) sebelum akhir 1980. Mengenai bilangan lorong pula pada mulanya akan diadakan empat lorong tetapi boleh dibesarkan menjadi enam lorong untuk masa hadapan.

(b) Dua garisan lalulintas iaitu traffic system akan diadakan dari Tanah Besar ke Pulau Pinang dan dua garisan lalulintas akan diadakan dari Pulau Pinang ke Tanah Besar.

(c) Anggaran perbelanjaan projek ini ialah \$400 juta.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada awal tahun 1969 apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengadakan titi sambungan antara Tanah Besar dengan Pulau Pinang harga projek itu lebih kurang \$200 juta tetapi pada hari ini harganya sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah \$400 juta, jadi semakin lama harganya bertambah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan berjanji dalam tempoh yang Kerajaan cadangkan sekarang kita akan mesti menyiapkan jambatan tersebut oleh kerana dalam pandangan saya dan rakyat keseluruhannya feasibility study yang telah dijalankan itu amat panjang, lebih panjang daripada titi itu sendiri?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi walaupun Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk mengadakan projek itu dalam tahun 1969 tetapi Kerajaan Pusat telah mengambil tindakan untuk melantik sebuah firma juru perunding (consultant) dari luar negeri iaitu Howard, Needles Tammen and Bergendoff pada tahun 1976 sahaja, selepas itu sampai masa sekarang kita telah siapkan ketiga-tiga peringkat:

- (1) Preliminary design study;
- (2) Detailed design study; dan
- (3) Construction supervision.

Berkenaan dengan harga yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya suka menjelaskan di sini iaitu harga untuk

menyiapkan jambatan itu pada tahun 1969 sebanyak \$200 juta merupakan anggaran yang tidak tetap, itu cadangan sahaja, tetapi harga yang saya jelaskan tadi iaitu \$400 juta bukan sahaja untuk jambatan tetapi ada juga projek-projek yang lain seperti kerja-kerja reclamation dan juga pembinaan high level bridge di atas channel-channel dan juga projek-projek lain iaitu interchanges; kita ada lebih kurang 4 interchanges mengikut taraf jalanraya yang ada di dalam negara kita ini. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, harga jumlah kos jambatan itu menjadi \$400 juta.

Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, beliau meminta saya bolehkah saya memberi akuan kepada Dewan yang mulia ini, dukacitalah oleh kerana keadaan di seluruh dunia sekarang tidak dapat Kerajaan kita memberikan satu akuan bilakah kita boleh siapkan tetapi mengikut jadualnya, kita akan siapkan pada tahun 1984.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahulah jambatan ini mula daripada Tanah Besar di Province Wellesley dan sampai ke Pulau Pinang. Soalan tambahan saya, di sebelah seberang itu di manakah pula terminusnya dan di Pulau Pinang di manakah terminusnya? Kedua, berapa jauhkah daripada satu terminus ke satu terminus?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri berkehendakkan notis atau tidak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, terminus yang pertama adalah di hadapan Universiti Sains Malaysia, di Pulau Pinang dan terminus yang kedua di Tanah Besar adalah di Prai. Luas jambatan itu dianggarkan di atas channel 5.2 batu dan di atas reclaimed area 1.8 batu, kira-kiranya sejumlah lebih kurang 8 batu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya sudahkah Kerajaan pastikan consultant yang kita pilih tadi adalah betul-betul pakar supaya jangan menjadi macam Pelabuhan Kuantan sekarang tak boleh dipakai, retaknya begitu besar dan akan memakan belanja begitu banyak. Sudahkah Kerajaan pastikan

iaitu consultant itu benar-benar consultant yang mahir dan kalau apa-apa terjadi besok consultant itu akan bertanggungjawab?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pakar perunding yang telah dilantik oleh Kerajaan ialah sebuah firma yang banyak pengalaman dan syarikat itu adalah daripada rakyat tempatan tetapi juga ada pakatan dengan consultants dari luar negeri. Saya harap kali ini kita boleh melaksanakan projek itu mengikut masa yang kita tetapkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, seminggu yang lalu saya telah melawat tempat itu untuk menyaksikan sendiri adakah projek itu berjalan atau tidak. Apa yang saya nampak ialah kita telah memberi kontrak pertama iaitu phase pertama harganya berjumlah \$11 juta untuk kerja-kerja reclamation di pulau sahaja. Kerja itu sudah mulai dan saya harap kerja itu akan siap pada akhir tahun ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, bolehkah Kementerian ini melahirkan rekabentuk jambatan itu melalui sebaran am khususnya untuk tatapan rakyat di Pulau Pinang.

Kedua, dengan menelan belanja sampai \$400 million ini adakah Kerajaan bercadang bahawa jambatan ini akan dikenakan toll atas kenderaan-kenderaan yang lalu kelak.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan atas rekabentuk dan design-design ini saya telah keluarkan kepada mass-media lebih kurang satu minggu yang lalu, saya harap Ahli Yang Berhormat ada baca dalam suratkhobar.

Yang kedua itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta

Tuan Yang di-Pertua: Toll.

Dato' S. Samy Vellu: Toll. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, kiranya harganya iaitu \$400 juta pada masa depan Kerajaan mesti mengenakan toll bukan di Pulau Pinang sahaja, sekiranya dalam tempoh 10 tahun di seluruh negara kita di mana-mana jalan yang kita gunakan kita mesti bayar, itu menjadi polisi Kerajaan.

GABUNGAN SEKOLAH TAMIL/CHINA

3. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan Sekolah Tamil yang bergabung dengan Sekolah China di mana pentadbiran adalah di bawah Guru Besar Sekolah China; dan
- (ii) tindakan yang akan beliau ambil untuk memberi kemudahan yang lebih kepada Sekolah-sekolah Tamil di luar bandar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Hanya 4 buah Sekolah Tamil sahaja yang bergabung dengan Sekolah China dan sekolah-sekolah ini adalah di negeri Pahang (negeri saya). Sekolah-sekolah itu ialah seperti berikut:

(a) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Bahagian Tamil, Sungai Penjuring, Bentong (Kawasan pilihanraya saya).

(b) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Bahagian Tamil, Sungai Jerik, Jerantut.

(c) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Bahagian Tamil, Kemayan, Temerloh.

(d) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Bahagian Tamil, Kuala Terla, Cameron Highlands.

- (ii) Tindakan-tindakan berikut diambil untuk menambah atau memperbaiki kemudahan-kemudahan di Sekolah Tamil di luar bandar:

(a) Mendirikan bangunan-bangunan yang baru, bilik-bilik darjah, padang permainan, tandas-tandas dan kemudahan-kemudahan yang lain. Dalam tempoh 1976-1978 sebanyak \$4,792,145 telah dibelanjakan untuk projek-projek ini bagi Sekolah-sekolah Tamil.

(b) Memberi kakitangan-kakitangan yang mencukupi.

(c) Menambahkan bilangan guru-guru terlatih.

(d) Mengadakan kemudahan-kemudahan kepada guru-guru terlatih untuk mengambil bahagian dalam

kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meninggikan taraf pelajaran.

- (e) Memberi bantuan Pinjaman Buku Teks. Hampir semua murid-murid Sekolah-sekolah Tamil di kawasan luar bandar menikmati faedah-faedah dari Skim Pinjaman Buku-buku Teks dan mendapat juga bantuan atas perbelanjaan dalam sukan, perpustakaan dan matapelajaran-matapelajaran sains dan Ilmu Hisab.
- (f) Hampir-hampir semua murid di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) menikmati faedah-faedah dari Rancangan Makanan Tambahan.

Tuan V. V. Aboo: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sampai bilakah pentadbiran akan dipegang oleh Sekolah-sekolah Cina dan bilakah kuasa boleh diberi kepada Sekolah-sekolah Tamil menjalankan pentadbiran sekolah di negeri kita.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam sebuah sekolah itu diadakan Bahagian Tamil jikalau keadaan memerlukan kita tentulah memberi pertimbangan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa amalan ini sangat sesuai malahan dalam kawasan pilihanraya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dalam negeri ini dan menuju kepada matlamat kita. Adakah Kerajaan bercadang bukan sahaja di Pahang akan dibuat juga di mana Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan China yang kurang ramai muridnya dicantumkan di bawah satu bumbung. Adakah amalan ini akan diteruskan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah. Kita sedar konsep ini sangat baik, jadi jikalau keadaan memerlukan, tentulah kita akan mempraktikkan cara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Alhamdulillah.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak campur tangan kerana perkara ini berlaku dalam negeri saya—bukan. Adakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran boleh menimbangkan seumpamanya di estet memang ada sekolah-sekolah yang ditimbulkan dalam soalan ini, iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China menampung pula Sekolah Tamil. Bolehkah Kementerian Pelajaran menubuhkan satu Bahagian pula, Sekolah Kebangsaan pula kerana mungkin ada di antara murid itu yang mahu terus belajar Bahasa Kebangsaan, memahirkan bahasa dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang begitu pada masa akan datang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada keperluan tentu kita akan menimbangkan.

BEKALAN ELEKTRIK/ PERKHIDMATAN TELEFON DI KUANTAN

4. Dato' Phua Cheng Leong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar:

- (a) bahawa bekalan elektrik di Kuantan kerap kali tergendala dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini; dan
- (b) bahawa perkhidmatan telefon di Kuantan tidak memuaskan dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) saya sedar tentang kerap berlaku gangguan bekalan elektrik di Kuantan, gangguan-gangguan ini berlaku mungkin di sebabkan oleh salah satu faktor-faktor berikut:

- (i) sambaran petir pada talian-talian atas.
- (ii) kerosakkan kebal-kebal bawah tanah akibat galian-galian lubang yang berdekatan dengan kebal oleh pemborong-pemborong.
- (iii) dalam masa berlaku kerosakan besar pada jenaletrik atau pencawang-pencawang kemasukan utama maka pihak

L.L.N. terpaksa membuat load-shedding atau jika keadaan memaksa ia akan memutuskan terus bekalan pada masa-masa tertentu. Walau bagaimanapun, notis akan diberi sebelum tindakan ini diambil. Buat masa ini pihak L.L.N. belum ada cara untuk mengelakkan berlaku sambaran petir pada talian-talian atas. Pihak L.L.N. telah meminta kerjasama dari pihak-pihak pendorong yang akan membuat kerja-kerja galian berhampiran dengan kebal-kebal letrik bawah tanah supaya mereka memberitahu L.L.N. sebelum kerja-kerja itu dibuat, dengan ini kerja-kerja pemulihan bekalan dapat dijalankan dengan segera jika berlaku kerosakan kebal semasa kerja-kerja penggalian lubang itu dibuat. Saya yakin pihak L.L.N. akan mengambil tindakan secepat mungkin memulihkan bekalan elektrik pada setiap kali berlaku kerosakan setelah kerosakan itu dapat dikesan.

Bagi menjawab soalan (b) Kementerian saya sedar kadangkala perkhidmatan telefon di Kuantan tidak berapa memuaskan. Dari pemerhatian yang dibuat oleh Jabatan Telekom didapati pengguna-pengguna telefon di Kuantan mengalami kesukaran untuk membuat panggilan dekat dan jauh khususnya panggilan ke Kuala Lumpur dalam masa kesebukan iaitu pada masa-masa kerja. Bagi mengatasi masalah ini pihak Jabatan Telekom telahpun menambah talian telefon sebanyak 2,000 talian lagi di Ibusawat Kuantan menjadikan jumlahnya sekarang sebanyak 6,000 talian. Kerja ini telahpun disiapkan pada 2hb Disember tahun yang lalu. Untuk mengatasi masalah kesukasan membuat panggilan dari Kuantan ke Kuala Lumpur Jabatan Telekom akan menambah sebanyak 36 liter sambungjauh ke Kuala Lumpur bagi menambah kepada liter yang ada sekarang iaitu sebanyak 148, kerja ini dijangka dapat disiapkan menjelang awal bulan depan.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN— KEMASUKAN ANAK KETURUNAN CINA

5. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya rakyat Malaysia keturunan Cina tidak suka menghantar anak-anak mereka ke Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah Akta Pelajaran 1961, ibubapa-ibubapa diberi kebebasan untuk memilih sekolah-sekolah rendah yang mereka suka untuk anak-anak mereka masuk belajar sama ada Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Adalah sukar untuk menentukan sebab-sebab mengapa ibubapa-ibubapa memilih sekolah-sekolah tertentu untuk anak-anak mereka belajar semasa mereka di sekolah-sekolah rendah. Pemilihan yang dibuat mungkin disebabkan beberapa perkara tersendiri yang berlainan tujuan. Ini terpujanglah kepada ibubapa itu sendiri membuat keputusan. Namun demikian tidak kurang pula bilangan ibubapa yang berketurunan Cina dan India yang menghantar anak-anak mereka bersekolah di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Pada masa ini terdapat seramai 63,991 orang murid Cina di Sekolah Kebangsaan berbanding dengan 401,156 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa kini mengikut rekod di Kementerian Pelajaran seramai 9,613 orang murid-murid dari kaum bumiputra juga sedang belajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Semenanjung Malaysia. Dengan angka ini jelaslah menunjukkan bahawa penghantaran anak-anak ke sekolah adalah juga bergantung kepada berbagai faktor.

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan wujudnya seramai 300,000 orang setinggan di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur sama ada Kerajaan mempunyai rancangan raksaksa untuk menempatkan setinggan di rumahpangsa.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bilangan setinggan di Wilayah Persekutuan suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jumlah setinggan yang ada sekarang ini ialah

seramai kira-kira 240,000 orang dan bukannya 300,000. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Bandaraya sedang mengatur strategi bagi membina rumah-rumah murah dan rumah pangsa secara besar-besaran untuk memenuhi keperluan rumah murah dalam Wilayah Persekutuan. Strategi membina rumah-rumah murah dan rumahpangsa secara besar-besaran ini adalah juga mempunyai tujuan utama untuk menempatkan semua setinggan-setinggan yang ada seberapa yang boleh Dewan Bandaraya sedang giat dalam melaksanakan dan menyempurnakan pembinaan rumah murah yang telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu sebanyak 15,000 unit, bagi Rancangan Malaysia Keempat pula adalah dicadangkan kira-kira 30,000 unit akan dibina dalam Wilayah Persekutuan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana memandangkan ramainya penduduk-penduduk yang duduk di tanah haram di Wilayah Persekutuan ini dan menengokkan keadaan tanah-tanah yang tidak ada lagi yang dipunyai oleh Kerajaan, ada atau tidak rancangan Kerajaan oleh kerana Wilayah Persekutuan ini bukan bergantung kepada State dan Wilayah Persekutuan mempunyai Commissioner of Land sendiri, dengan sebab itu ada atau tidak rancangan Kerajaan untuk mengambil tanah-tanah yang dipunyai oleh estet-estet di sekeliling Kuala Lumpur secara acquire, acquisition of land for public purpose supaya pada hari akan datang jikalau ada rancangan-rancangan kita untuk membuat rumah murah atau bertingkat untuk orang miskin dapat kita jalankan seberapa segera. Ada atau tidak rancangan untuk dibuat ataupun peruntukan telah ada untuk dibuat begitu?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak lagi problem-problem yang belum selesai mengenai dengan pembinaan rumah, belum ada lagi cadangan untuk acquire tanah selain daripada tanah Kerajaan.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri berkenaan sama ada yang dijawab pada hari ini atau yang dijawab pada hari itu, maka jawapannya itu tidak tepat iaitu atas masalah setinggan di

Wilayah Persekutuan ini. Saya hendak bertanya mengapa Kerajaan tidak meminta atau membuat rancangan di tanah setinggan itu didirikan rumah flat sepertimana yang telah dibuat di negeri jiran kita. Mengapa tidak ada rancangan selain dari hendak cari tanah, hendak beli estet, mengapa di tempat yang setinggan itu duduk tidak diadakan rancangan? Itu yang saya hendak tanya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada rancangan seumpama itu dan oleh kerana banyak lagi problem yang belum diselesaikan tidaklah dapat Kerajaan hendak membina secara menyeluruh rumah-rumah pangsa sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Mungkin barangkali bila perkembangan mendesak di masa-masa yang akan datang tidak ada jalan lain maka itulah satu cara yang lebih baik.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi masalah setinggan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu bilamana bandar baru dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini akan dibuka kelak adakah orang-orang ini akan diagihkan ke kawasan-kawasan itu?

Yang kedua, dalam masalah membuka bandar baru ini adakah kita dapat kerjasama sepenuhnya daripada Kementerian-kementerian yang ada sangkut-paut dengan bandar baru?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama memang Kerajaan mengambil berat berkenaan dengan hendak mengagihkan orang-orang yang duduk di tanah setinggan dan soalan yang kedua, saya minta maaf minta ulang semula.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah dapat kerjasama daripada Kementerian yang berkaitan?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Kita mendapat kerjasama dari Kementerian-kementerian yang ada kaitan.

ROMBONGAN PELABURAN KELUAR NEGERI

7. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setelah rombongan demi rombongan keluar negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Dato' Sri Dr Mahathir Mohamed untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur negara-negara asing melabur modal di negara kita:

- (a) setakat ini negeri-negeri manakah yang sanggup menanam modal dan di dalam bidang industri apakah modal-modal itu akan ditanam;
- (b) sama ada pihak Kementerian yang berkenaan menggalakkan pelabur-pelabur itu menubuh industri di Pantai Timur.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) semenjak tahun 1978 Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengetuai 7 rombongan galakan pelaburan ke luar negeri. Sebagai hasil daripada rombongan-rombongan ini, sukalah saya maklumkan iaitu beberapa kelulusan telahpun diberi kepada syarikat-syarikat asing baik mengikut cara persendirian atau cara usaha sama bagi menjalankan operasi perkilangan mereka di Malaysia. Syarikat-syarikat ini adalah dari beberapa negara pengeksport modal seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Jepun, Jerman Barat, Perancis dan negara-negara Scandinavian. Di antara projek-projek yang dicadangkan untuk didirikan di Malaysia ialah bagi mengeluarkan barang-barang elektrik dan elektronik, barang-barang logam dibentuk, barang-barang bukan logam, barang-barang kimia, textile, barang-barang plastik, barang-barang buatan getah, barang-barang dari kayu dan barang-barang makanan.
- (b) Kementerian saya pada masa ini sedang menggiatkan usaha ke arah menempatkan industri-industri di kawasan luar bandar iaitu jauh daripada pusat-pusat bandar yang telah maju. Di dalam perkara ini dasar

penyelerakan industri adalah dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh Kementerian saya. Sebagai bukti kepada perkara ini pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telahpun menganjurkan beberapa lawatan-lawatan kajian bagi bakal-bakal pelabur di kawasan Pantai Timur. Ini adalah untuk membolehkan mereka mendapatkan gambaran sebenarnya mengenai peluang-peluang pelaburan dan juga kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini syarikat-syarikat yang terkemuka daripada Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura telahpun menghantar wakil-wakil mereka ke Pantai Timur bagi mengkaji kemungkinan menubuhkan projek-projek mereka di sana.

Walau bagaimanapun sukalah saya menyatakan iaitu sungguhpun Kementerian saya berusaha memperkenalkan negeri-negeri Pantai Timur, keputusan terakhir bagi menempatkan satu-satu projek itu adalah sepenuhnya terletak pada para pelabur tersebut oleh kerana tempat yang sesuai adalah salah satu faktor penting yang akan mempengaruhi daya maju sesuatu projek. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus menyediakan galakan sama ada galakan fizikal dan bukan fizikal bagi menarik pelaburan ke kawasan-kawasan ini. Di dalam konteks ini, Kerajaan telahpun memperkenalkan galakan tempat kedudukan yang mana akan memberi pelepasan cukai maksima selama 10 tahun kepada projek-projek yang layak.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak soal Menteri yang berkenaan yang begitu galak Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita ke luar negeri, tujuh kali dalam tahun 1978, saya tidak tahu sampai sekarang berapa kali dalam tahun 1979. Saya suka bertanya, sudahkah Menteri ini meminta pelabur-pelabur luar negeri datang melabur ke negeri kita ini, sudahkah Kementerian ini bekerjasama tentang masa depan Malaysia kita ini. Kita tidak mahu daripada luar negeri sahaja datang tokoh-tokoh dalam bahagian perindustrian dan perdagangan, kita hendak hantar pegawai-pegawai muda kita khususnya

bumiputra supaya belajar dalam hal perdagangan dan perindustrian terutama di Amerika, Jepun dan German. Berapa orang sudah dihantar, atau tidak pernah dihantar supaya dalam masa jangka panjang Malaysia pada masa akan datang sama ada 5 tahun, 10 tahun atau 50 tahun akan datang, kita ada mempunyai pakar dalam perindustrian, mempunyai pakar perdagangannya sendiri, tidaklah kita berharap kepada orang luar lagi.

Kedua, jika belum, bolehkah Kementerian ini mengaku supaya kita jangan ketinggalan bas, tahun ini juga kita mesti ambil pegawai-pegawai muda kita untuk memberi latihan di negeri-negeri yang masyhur dalam bahagian ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang penting yang mana kita menarik modal daripada luar negeri ialah untuk mendapat teknologi dan apabila satu syarikat asing membuat permohonan untuk mewujudkan satu kilang di sini baik cara joint venture atau persendirian, satu syarat yang penting ialah syarikat ini mesti memberi latihan kepada pemuda-pemudi Malaysia. Ada banyak syarikat-syarikat yang telah ada kilang di sini telah ada rancangan untuk melatih pemuda-pemudi dan saya rasa ini ialah satu syarat yang penting dan kalau kita boleh dapat transfer of technology seperti ini yang lebih lengkap, saya rasa kita boleh memasuki industri yang pada masa dahulu di dalam negara maju atau negara perindustrian sahaja.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Telah ada beberapa buah negeri termasuk negeri Pantai Timur menghantar rombongan negeri itu sendiri melawat negara-negara asing untuk tujuan yang sama. Soalan saya, perlukah atau tidak negeri-negeri itu mengadakan perhubungan atau permohonan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebelum rombongan itu dijalankan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa ada rombongan daripada Kerajaan Negeri yang meliputi wakil daripada pihak swasta menghantar rombongan galakan pelaburan ke luar negeri. Sepanjang pengetahuan saya negeri di Pantai Timur ialah Negeri Kelantan yang baru-baru

ini telah menghantar satu rombongan ke negeri Jepun, dan Korea. Baru-baru ini negeri Kedah pun telah menghantar satu rombongan ke Eropah. Dan pada masa dahulu negeri Perak, Selangor dan lain-lain dan sebelum rombongan ini dihantar ke luar negeri, hubungan rapat diadakan dengan Kementerian saya di mana segala usaha telah diberi kepada Kerajaan Negeri untuk menyusun peraturan, susunan perdagangan dan kontek-kontek yang mustahak apabila rombongan ini sampai ke luar negeri.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Berbalik kepada soalan yang asal iaitu (b). Tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa ada usaha-usaha telah dibuat supaya pelabur datang ke Pantai Timur mendirikan kilang-kilang mereka di sana. Tetapi sama ada betul atau tidak yang tidak menggalakkan pekilang-pekilang besar pergi ke Pantai Timur bukan soal tanah tetapi soal tenaga elektrik. Jikalau betul, apa rancangan Kerajaan supaya memperbaiki keadaan ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian saya ini ialah seperti saya katakan dalam jawapan saya kita mendesak dengan seberapa yang boleh kilang-kilang itu diwujudkan di kawasan yang kurang maju bukan sahaja di Pantai Timur bahkan di lain-lain negeri baik di kawasan Pantai Barat yang mana kawasan itu belum maju. Seperti saya katakan tadi faktor-faktor yang penting ialah kesesuaian infrastruktur di tempat tertentu dan saya memang sedar bahawa satu faktor yang penting ialah bekalan elektrik dan juga bekalan air dan lain-lain kemudahan dan ada terdapat satu dua tempat yang mana telah ada kawasan perindustrian tetapi tenaga elektrik dalam rancangan ini barangkali tidak cukup tetapi kena tunggu dua tiga tahun yang mana ini melambatkan pengwujudkan kilang-kilang di tempat itu. Dan ini Kementerian saya telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan mengadakan rancangan jangka panjang di antara Kerajaan Federal dan Kerajaan Negeri masing-masing supaya infrastruktur itu diadakan supaya kita boleh mendesak kilang-kilang itu menempatkan kilang-kilangnya di kawasan yang kurang maju khususnya di kawasan Pantai Timur.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya, oleh kerana anasir-anasir jahat di dalam negeri kita dan di luar negeri ini menyatakan berkenaan dengan ICA (Industrial Coordination Act), ada atau tidak Menteri iaitu Timbalan Perdana Menteri yang telah pergi melawat luar negeri telah menerangkan dengan sesungguhnya berkenaan dengan pengertian Industrial Coordination Act ini oleh kerana difikirkan ini adalah menyekat pemodal-pemodal datang ke dalam negeri kita. Adakah dibuat siaran-siaran ini di luar negeri menerusi MIDA dan sebagainya oleh tiap-tiap negeri berkenaan dengan komplot atau orang-orang jahat yang menyebabkan dakyah-dakyah itu.

Datuk Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, apabila I.C.A. itu diluluskan oleh Parlimen mulai tahun 1975 dan 1976 ada orang mendakwa bahawa I.C.A. ini ialah satu penghalang yang mana menanam modal ataupun pelaburan di negara kita ini ada bergantung kepada beberapa sebab-sebab tertentu. Tetapi selepas itu sampai sekarang boleh dikatakan I.C.A. ini bukan sahaja di luar negeri tetapi juga di dalam negeri itu bukan satu faktor yang menghalang para pelabur untuk menanam modal di negara kita ini dan di dalam rombongan-rombongan galakan pelaburan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, perkara inipun telah timbul dan ada perbincangan dengan seluas-luasnya dan mendalam dan saya rasa beberapa kali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah katakan di dalam Dewan yang mulia ini yang mana I.C.A. sekarang bukanlah satu penghalang atas pelaburan di negara kita ini.

LOTERI LEMBAGA KEBAJIKAN MASYARAKAT—KEUNTUNGAN

8. Datuk Chong Foo Khin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berkaitan dengan perjalanan Loteri Lembaga Kebajikan Masyarakat, kira-kira bagi tahun 1977 dan 1978 seperti berikut:

- (i) berapa banyakkah keuntungan yang telah diperolehi untuk tahun-tahun itu;
- (ii) dari jumlah keuntungan, berapa banyakkah keuntungan yang diperolehi dari hadiah-hadiah yang tidak dituntut dan ke manakah wang-wang itu telah dibelanjakan atau dikreditkan;

- (iii) berapakah banyak yang telah diberikan kepada mana-mana pertubuhan atau orang ramai dengan penyata lengkap; dan
- (iv) sama ada semua neraca kira-kira Lembaga ini diperiksa oleh Odit Kerajaan atau Odit Swasta.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Keuntungan yang telah diperolehi bagi tahun 1977 lebih kurang \$12.2 juta, sementara bagi tahun 1978 ialah \$13.2 juta.
- (ii) Keuntungan yang diperolehi dari hadiah-hadiah yang tidak dituntut bagi tahun 1977 berjumlah \$1.5 juta dan bagi tahun 1978 ialah \$1.2 juta. Berpandukan kepada Akta Wang Tidak Dituntut 1965, wang dari hadiah-hadiah yang tidak dituntut telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.
- (iii) Bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada Badan-badan Kebajikan bagi tahun 1978 adalah seperti berikut:

(1) Persatuan bagi Mencegah Penyakit Batuk Kering	\$ 590,782.05
(2) Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga	250,000.00
(3) Majlis Pusat Kebajikan Malaya	1,195,644.80
(4) Yayasan Semai, Kuala Lumpur	30,000.00
(5) Persatuan Orang-orang Sakit Kusta	300,000.00
(6) Majlis Kebajikan Masyarakat Sabah	100,000.00
(7) Kumpulan Wang Kebajikan Angkatan Tentera	50,000.00
	\$2,516,426.85

Selain daripada itu Kerajaan juga memberi bantuan kepada badan-badan sukarela dalam negara ini yang berjumlah hampir \$1 juta.

- (iv) Pada masa ini Juru Odit Negara yang memeriksa neraca kira-kira Lembaga itu.

DOKTOR BUMIPUTRA/ BUKAN BUMIPUTRA

9. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor bumiputra dan bukan bumiputra mulai tahun 1970 hingga sekarang dan bilangan yang telah meletak jawatan dalam tempoh masa yang sama.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, jumlah serta bilangan perletakan Pegawai Perubatan Bumiputra dan bukan bumiputra hanya dapat disediakan oleh Kementerian Kesihatan bermula dari 1973 hingga sekarang. Perangkaan tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan		Jumlah	Perletakan Jawatan		Jumlah
	Bumi-putra	Bukan Bumi-putra		Bumi-putra	Bukan Bumi-putra	
1973	76	976	1,052	9	118	127
1974	101	1,078	1,179	2	155	157
1975	158	1,148	1,306	8	158	166
1976	199	1,395	1,594	7	182	189
1977	227	1,333	1,560	4	298	302
1978	248	1,391	1,639	14	174	188
1979	268	1,362	1,630	8	104	112

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menilik kepada kedudukan kedokteran di tanahair kita ini sekarang, saya dapati amat menggerunkan kita apabila kita melihat keadaan tidak seimbang ini; satu.

Kedua, apabila kita melihat perletakan jawatan daripada bukan bumiputra yang begitu banyak saban tahun dalam negeri kita ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu apa sebab kejadian perletakan jawatan ini begitu sewenang-wenangnya terjadi, sedangkan mereka adalah dipertanggungjawabkan pada permulaan penerimaan menjadi doktor di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian, negara kita terutama rakyat di luarbandar di seluruh tanahair kita ini sangat perlu kepada kesihatan, sangat perlu kepada bimbingan kedokteran. Banyak terdapat kampung-kampung di seluruh tanahair kita ini yang belum dapat cukup bimbingan kedokteran. Kenapa Kementerian sehingga sekarang masih belum dapat mencakup kedudukan kedokteran supaya menjamin kesihatan terutamanya di luarbandar, kerana kalau rakyat sihat, negara rahmat.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, entah berapa kali saya berdiri di Dewan yang mulia ini memberi beberapa sebab tentang masalah ini dan saya rasa tidaklah perlu memberi jawapannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Alexander Lee.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Alexander Y. L. Lee tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Chua Ching Cheng.

KAYU BALAK—KEKURANGAN

11. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini perusahaan kilang papan di negara kita telah mengalami kesulitan kekurangan balak-balak untuk diproses dan dengan secara langsung telah mengakibatkan harga papan dan beroti melambung naik ke paras yang terlalu tinggi untuk pengguna-pengguna membelinya; jika ya, adakah beliau bercadang untuk mengambil tindakan mengharamkan seratus peratus eksport balak keluar dari Semenanjung Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar industri pengilangan kayu di Semenanjung Malaysia sekarang ini sedang mengalami kesulitan untuk mendapatkan bekalan kayu balak yang cukup terutamanya dari jenis yang bermutu tinggi untuk diproses. Saya juga sedar bahawa harga papan dan beroti telahpun meningkat naik.

Ada terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kekurangan kayu balak dari jenis yang bermutu tinggi di Semenanjung Malaysia.

Pertama, ini disebabkan oleh keupayaan memproses oleh kilang-kilang adalah sebanyak 7.3 juta tan setahun (berdasarkan operasi satu shift) dan 15 juta tan setahun (berdasarkan operasi dua shift) manakala pengeluaran kayu balak dari kawasan-kawasan hutan di Semenanjung Malaysia hanyalah setakat 7 juta tan sahaja setahun.

Kedua, terdapatnya pertambahan penggunaan hasil kayu kayan dalam negeri yang pesat disebabkan oleh pertambahan aktiviti di bidang perumahan dan pembinaan.

Ketiga, terdapatnya pertambahan yang pesat dalam perusahaan peringkat "secondary" dan "tertiary" yang menggunakan kayu-kayu gergaji sebagai bahan mentah

untuk pemerosesan lanjut, misalnya perusahaannya "moulding" dan lain-lain perusahaannya barang siap berasaskan kayu.

Keempat, industri pengilangan papan di Semenanjung Malaysia adalah berorientasikan kepada pasaran eksport semenjak ianya tertubuh dan pasaran eksport ini lebih mengutamakan balak-balak terkemuka.

Pengekspotan balak-balak keluar negeri telah kian berkurangan semenjak pengharaman eksport balak dari jenis-jenis terkemuka yang telah dikuatkuasa sejak tahun 1972 lagi. Pada masa ini 16 jenis telah diharamkan untuk diekspot. Akibatnya peratus pengekspotan balak yang tinggi iaitu di antara 20 hingga 30 peratus daripada pengeluaran kayu, pada satu ketika dahulu telah turun kepada kurang daripada 2 peratus sahaja sekarang ini.

Buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk mengharamkan 100 peratus eksport balak keluar dari Semenanjung Malaysia memandangkan balak-balak yang dibenar untuk diekspot adalah merupakan balak-balak yang berukuran kecil dan dari jenis-jenis yang kurang dikenali dan tidak terkemuka.

Balak-balak kecil yang didapati di dalam skim pembangunan tanah Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA yang mengamalkan sistem "Clear Felling" sekiranya tidak dibenarkan untuk diekspot terpaksa dibakar kerana tidak mempunyai pasaran tempatan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya keadaan memerlukannya, Kementerian saya akan mengkaji keputusan sama ada untuk mengharamkan terus ataupun sebaliknya pengekspotan kayu balak ini dari masa ke semasa.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar dengan membenarkan sebahagian daripada balak-balak itu diekspot keluar negeri terutama sekali di Singapura, itulah yang menghidupkan kilang-kilang kayu balak di Singapura. Kalau jawapan Menteri yang berkenaan sedar, saya ingat patut sangat diambil langkah sekarang ini mengharamkan terus semua kayu balak ini diekspot ke Singapura kerana faedah pengilang-pengilang kayu yang ada di tanah-air kita.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas masalah ini. Tetapi sebagaimana saya telah katakan tadi, pengeluaran balak-balak dari Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 100,000 cubic ton sahaja pada tahun lepas iaitu lebih kurang 2% daripada jumlah pengeluaran balak-balak daripada Semenanjung Malaysia iaitu lebih kurang 7.3 juta cubic ton. Jikalau kita mengharamkan eksport balak-balak seperti ini, saya fikir kita tidak boleh mendapat harga yang sesuai seperti balak-balak berukuran kecil dan balak-balak yang tidak popular.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa balak-balak kita yang diekspot sekarang ini, lanjutan dari keadaan tersebut daripada pemerosesan papan gergaji di negara kita kekurangan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Ketua Menteri Sabah telah sudah berunding dengan pemerintah Indonesia berhubung dengan hutan atau kayu-kayu di negeri Sabah dan ini melanggar Perlembagaan negara kita dalam Fasal 39, dan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian ini berhubung dengan masalah itu dengan Ketua Menteri Sabah.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini soalan lain. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil notis atas komen dari Ahli Yang Berhormat itu.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya mohon jaminan, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan izin, saya bacakan peruntukan yang ada dalam Perlembagaan:

"39. Kuasa pemerintah Persekutuan.

Kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya atau oleh Jumaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberikuasa oleh Jumaah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang-orang lain."

Ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah nyata bahawa Ketua Menteri Sabah sudah pun melanggar Perlembagaan. Apakah Kementerian Perusahaan Utama dan Kerajaan kita masih berdiam dan perkara ini sudah dua kali kehendak-kehendak Perlembagaan dilanggar oleh Ketua Menteri Sabah, pertama pada membuat hubungan dengan Presiden Marcos tempoh hari dahulu.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Terima kasih. Saya akan mengkaji komen daripada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang penghabisan.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan iaitu kita memang kekurangan kayu kayan. Oleh sebab Menteri ini juga bertanggungjawab mengenai kelapa sawit dan getah, saya hendak bertanya, mengapa tidak Menteri ini juga mengkaji dan memproses getah supaya ia menjadi satu istilah, iaitu kayu-kayan. Sebab kayu getah jikalau dimasak boleh menjadi kayu juga untuk pasaran di luar negeri, itu sahaja.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah dan sedang mengkaji penggunaan kayu getah. Walau bagaimanapun, kayu getah adalah kecil jikalau dibandingkan dengan balak.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

LEMBAGA PENASIHAT DEWAN BANDARAYA—PERJUMPAAN

10. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Badan Penasihat telah tidak mengadakan perjumpaan untuk lebih dari empat tahun; jika ya; nyatakan tujuannya mengadakan Badan ini; dan

- (b) sama ada beliau sedar bahawa buat sekarang tidak ada Badan yang dapat menguruskan masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):

- (a) Adalah tidak benar dakwaan dari Yang Berhormat bahawa Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya (Bukan Badan Penasihat) telah tidak mengadakan perjumpaan untuk lebih dari 4 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat mesyuarat Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya diadakan dari masa ke semasa. Misalnya untuk tahun 1979 ini, Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya telahpun bermesyuarat sebanyak 7 kali.

- (ii) Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya ditubuhkan di bawah Akta Ibukota Persekutuan 1961 dan Peraturan-peraturan (Lembaga Penasihat) Ibukota Persekutuan 1961 yang mana memperuntukkan bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ahli-ahli Tidak Rasmi Lembaga Penasihat Kuala Lumpur dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

- (iii) Tujuan mengadakan Lembaga tersebut ialah:

“Untuk menasihatkan Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Bandaraya sebagaimana ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan perintah dan mengenai apa-apa soal yang dirujuk kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar”.

- (iv) Ahli-ahli Lembaga Penasihat selain dari menjadi Ahli Lembaga juga dilantik menjadi Pengerusi atau Ahli berbagai jawatankuasa atau Lembaga yang terdapat di Dewan Bandaraya.
- (b) Adalah tidak benar bahawa tidak ada sebarang Badan yang menguruskan masalah-masalah yang dihadapi oleh Penjaja-penjaja di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun menubuhkan sebuah unit khas bagi menguruskan hal-hal mengenai penjaja iaitu Unit Perlesenan dan Penjaja.

Unit ini bertanggungjawab dalam melesenkan penjaja-penjaja, mengawal penjaja-penjaja supaya berniaga di tempat-tempat yang dibenarkan serta menjaga kebersihan dan kesihatan dan menyediakan tempat-tempat perniagaan yang sesuai seperti gerai-gerai, pasar-pasar malam dan lain-lain.

Di samping itu terdapat juga sebuah Jawatankuasa Penasihat Penjaja di Dewan Bandaraya dan Jawatankuasa ini hanya mengadakan mesyuarat jika ada perkara-perkara yang difikirkan perlu dirujuk kepada mereka untuk mendapat pandangan dan nasihat.

PENCARUM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

12. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada K.W.S.P. bercadang menaikkan kadar faedah bagi pencarum-pencarum dari kadar sekarang memandangkan mereka tidak dapat mengeluarkan simpanan mereka sehingga umur yang ditetapkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar faedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.) adalah ditetapkan pada tiap-tiap tahun berdasarkan pendapatan K.W.S.P. dan perakuan Aktuari Kerajaan. Penetapan kadar faedah tersebut tidak ada kaitan langsung dengan syarat-syarat pengeluaran caruman.

Bagi tahun 1979, Lembaga K.W.S.P. telah menetapkan kadar faedah sebanyak 7.25% setahun yang telah meningkat sebanyak 0.25% jika dibandingkan dengan tahun lepas iaitu 7% setahun. Aktuari Kerajaan telah memperakukan kenaikan kadar faedah tersebut oleh kerana pendapatan K.W.S.P. telah bertambah. Kerajaan akan mempertimbangkan menaikkan kadar faedah ini dari masa ke semasa berdasarkan kepada pendapatan tahunan K.W.S.P.

UBAT-UBAT HILANG DARI HOSPITAL

13. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa kebelakangan ini terdapat banyak ubat-ubat dari hospital-hospital telah hilang terutamanya jenis drugs; jika benar nyatakan tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Adalah tidak benar bahawa kebelakangan ini terdapat banyak ubat-ubat terutama jenis-jenis drug telah hilang dari hospital-hospital. Suka saya memaklumkan bahawa semua ubat-ubat jenis drug adalah disimpan di dalam almari atau gerobok yang berkunci dan dijaga dengan rapi oleh kakitangan kanan di dalam ward. Tiap-tiap ubat yang digunakan adalah direkod mengikut kehendak Ordinan Dadah Merbahaya. Walau bagaimanapun, jika sekiranya berlaku kehilangan ubat-ubat, maka ianya akan dilaporkan kepada pihak polis mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan. Dalam soalan ini saya berterima kasih jika sekiranya Yang Berhormat Senator-senator dapat memberi maklumat yang tertentu/spesifik mengenai kehilangan atau kecurian ini supaya penyiasatan dapat dijalankan.

PENDATANG HARAM VIETNAM

14. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di dalam negeri ini dan bilangan yang masuk ke Malaysia serta yang telah dihantar ke negara ketiga dari bulan Januari 1979 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Baki pendatang haram Vietnam yang masih ada di negara ini sehingga sekarang ialah 32,595 orang.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai bilangan yang mendarat di negara ini daripada bulan Januari 1979 sehingga sekarang ialah seramai 51,873 orang, dan dalam tempoh yang sama juga bilangan yang dihantar ke negara ketiga ialah seramai 68,776 orang.

BIJIH TIMAH DIEKSPOT KELUAR NEGERI

15. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau akan membuat undang-undang untuk mewajibkan semua bijih timah dimasak dan dilebur untuk dijadikan jongkong di negeri ini sebelum ianya diekspot keluar negeri untuk mencegah berlakunya penyeludupan bijih timah seperti yang terjadi sekarang.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Peraturan yang ada sekarang ini ialah mana-mana pihak yang hendak mengekspotkan bijih timah dalam bentuk asalnya keluar daripada negeri ini hendaklah terlebih dahulu mendapatkan permit ekspot daripada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Pihak Kastam tidak akan mengeluarkan permit tersebut memandangkan bahawa 2 buah kilang pelebur timah di negara kita ini mempunyai keupayaan untuk meleburkan segala pengeluaran bijih timah di dalam negara ini. Dari segi undang-undang segala perbuatan untuk mengekspot bijih timah yang belum dijadikan jongkong ini adalah dianggap sebagai ekspot secara haram dan ianya adalah dilakukan semata-mata untuk mengelakkan bayaran cukai ekspot timah.

JAMBATAN PULAU PINANG— TANAH BESAR

16. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Jambatan Pulau Pinang-Tanah Besar Semenanjung lebih penting daripada lapangan terbang Antarabangsa Bayan Lepas; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada projek tersebut sungguhpun rakyat telah lama menunggu sejak 1969 sehingga sekarang.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedua-dua projek itu mempunyai kebaikan-kebaikannya yang tersendiri. Oleh yang demikian tidaklah dapat dibuat perbandingan yang mana satu lebih penting. Kedua-duanya penting bagi pembangunan Pulau Pinang.

Perlaksanaan jambatan Pulau Pinang mengambil masa yang lebih lama oleh kerana ianya suatu projek yang kompleks dan memerlukan kajian yang mendalam serta melibatkan perbelanjaan yang lebih besar. Bagaimanapun sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telahpun membuat kajian yang teliti dan sedang melaksanakannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Januari, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mulia.

3.39 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya telah mengatakan iaitu Fasal 7 Rang Undang-undang ini mengatakan:

"7. Seseorang pegawai tetap boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah—

- (a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan
- (b) genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan."

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, seseorang pegawai yang masuk bekerja walaupun kerja yang dimasukinya itu adalah dalam pejabat yang boleh berpencen tetapi dia terpaksa bekerja selama 3-4 tahun. Kalau dia mesti lulus undang-undang dan sebagainya, selepas lulus undang-undang 3 tahun selepas itu maka barulah dia diletakkan di permanent establishment, sesudah 10 tahun pula barulah dia masuk ke pencen (pensionable establishment).

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini memang dari semalam mengatakan saya menyokong dengan sepenuh-sepenuhnya Rang Undang-undang ini tetapi saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya jikalau pegawai yang telah masuk pencen, selepas 10 tahun berkhidmat, di dalam tempoh 10, 12 atau 15 tahun apabila didapati mereka ini mahu berhenti maka Kerajaan mesti memikirkan memberinya pencen walaupun 12 tahun pencen, 10 tahun pencen walaupun pencen itu \$80 sebulan kerana mereka ini telah berkhidmat selama 12 tahun selepas tempoh yang dikatakan belum masuk pencen tadi tetapi selepas masuk pencen ada sebab-sebabnya, bukan sebab kerana kakinya telah bengkok ataupun penyakit tetapi dengan sebab-sebab kesukaannya sendiri, maka Kerajaan tidak bolehlah menghalang kepada mereka ini supaya mereka ini tidak boleh bersara, tidak boleh berpencen. Kerajaan terpaksa memikirkan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10 saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Saudara kita Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengatakan biar sampai 60 tahun kerana yang umur 55 tahun itu masih sihat lagi tetapi kepada saya, saya menyokong Kerajaan di atas perkara ini sebab saya dahulu pegawai Kerajaan. Kerajaan telah lama memikirkan di atas perkara ini, mula-mula dahulu ada umur 50 tahun sudah boleh berpencen tetapi kemudian itu dinaikkan 55 tahun oleh kerana difikirkan 50 tahun ini adalah muda lagi maka dinaikkan 55 tahun dan juga boleh pula optional, siapa suka berpencen pada umur 50 tahun boleh pula, itu adalah timbang rasa Kerajaan terhadap pekerja-pekerja di dalam Kerajaan. Dengan sebab itu pihak saya, saya menyokong sepenuh-penuhnya, iaitu umur 55 tahun ini cukuplah mereka ini bekerja. Satu daripada sebab-sebabnya iaitu walaupun dikatakan pada hari semalam satu-satu orang di dalam negeri kita ini apabila telah bekerja sampai umur 50 tahun, sampai sekarang, iaitu daging ada, ikan ada, sayur ada, makan pun baik tetapi di dalam negeri yang panas begini, dalam negeri tropika ini orang lekas tua oleh kerana panas, apabila panas berpeluh banyak, kemudian energynya pakai lebih banyak lagi, sampai 50 tahun kalau kita fikirkan orang-orang itu sudah tidak ada tenaga yang begitu kuat semacam orang yang ada di negeri-negeri yang sejuk. Kemudian

kalau dia sudah berumur 55 tahun, kalau 50 tahun pun tak begitu segar—55 tahun lebih lagi, dengan sebab itu Kerajaan telah mengkaji.

Oleh itu barangkali Kerajaan telah bertanya kepada doktor-doktor kalau dipanjangkan lagi bagaimana tenaganya. Kalau dilebihkan lagi daripada 55 tahun boleh jadi kerjanya tidak lagi boleh dibuatnya macammana yang dia telah bekerja pada umur 30-35 tahun, 40-45 tahun, ini tidak menguntungkan Kerajaan pula. Apabila merugikan Kerajaan, rancangan-rancangan kita dalam negeri yang merdeka, yang berdaulat, banyak rancangan yang kita buat maka rancangan kita nanti mundur. Dengan sebab itu saya yakin dan percaya Kerajaan telah memikirkan di atas perkara ini.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini berapa banyak pemuda-pemuda kita yang lulus daripada universiti yang masuk bekerja dalam Kerajaan. Pada masa saya bekerja dahulu, masa itu pegawai-pegawai bukan mengikut kelayakan—tidak, dia bukan mengikut pegawai itu kuat bekerja, bertenaga kuat untuk bekerja dalam Kerajaan untuk naik pangkat—tidak, dia mengikut orang itu kalau sudah 5 tahun, 10 tahun dia naik gred—Superscale F, Superscale E, Superscale C sampailah Superscale A, mengikut umurnya, jadi tidak ada peluang kepada pegawai-pegawai muda. Sebab itu kita sebagai pegawai-pegawai muda yang berkelayakan lebih baik berhenti daripada menjadi pegawai Kerajaan. Dengan sebab itu pada hari ini banyak yang berkelulusan, bukan sahaja berkelulusan daripada B.A., M.A. dan Doctorate tetapi kelulusan ini lebih banyak betul di dalam pegawai-pegawai Kerajaan.

Jikalau misalnya 55 tahun dinaikkan 60 tahun, di dalam satu-satu Kementerian berapa yang ada Superscale A, berapa yang ada Superscale B, berapa orang ada Superscale C? Ada beberapa orang sahaja. Jadi pegawai-pegawai yang di belakang ini menantikan berapa tahun lagi, jadi pegawai-pegawai naik bosan bekerja oleh kerana orang ini juga yang sampai 60 tahun, jadi tidak ada perubahan langsung, tak ada peluang langsung kepada pegawai-pegawai muda hendak naik pangkat. Dengan sebab itu saya yakin dan percaya Kerajaan ada menimbang di atas perkara ini maka umur 55 tahun ini sudah sepatut sangatlah

mereka ini disarakan, sesudah itu pegawai-pegawai yang bersara macam saya ini dan lain-lain suka sangat bersara 55 tahun oleh kerana cubalah kita fikir hidup di atas dunia ini bukan lama, dunia ini adalah sementara waktu sahaja.

Cuba kita fikirkan daripada budak kita bersekolah, kita keluar daripada perut ibu kita, berapa tahun pula kita membuang masa sahaja sebagai budak—6 tahun kita membuang masa sebagai budak, kemudian selepas itu kita masuk sekolah, berapa tahun masuk sekolah—sampai umur 23-24 tahun itu membuang masa kita belajar untuk mencari kerja, untuk pengetahuan, untuk hidup pada hari akan datang, selepas itu terus bekerja, dalam kita bekerja itu daripada pukul 8.00 pagi sampailah pukul 4.15-5.00 petang, barangkali balik pula bekerja naik motokar ataupun naik basikal atau naik bas, sampai ke rumah barangkali pukul 6.00-7.00 petang, hendak makan, kadang-kadang hendak masak sendiri pula, kemudian berapa masa kelapangan mereka ini ada? Dalam satu hari satu jam pun tak ada masa yang lapang seperti seorang manusia menjalankan tugas, berjalan, berlari, naik motokar, tak ada masa kelapangan. Jadi tentulah difikirkan oleh Kerajaan juga sampai umur 55 tahun ini biar dia berihat, pandailah dia berihat.

Dengan adanya pencennya, dengan adanya bonusnya ataupun apa yang didapatinya maka di situ dia boleh buat suka hatinya, dia hendak berniaga kecil, hendak berniaga besar ataupun dia suka hendak memelihara ayam, itek, kambing, menanam buah, biar dia ada kelapangan sedikit oleh kerana barangkali entah berapa lama lagi daripada umur 55 tahun kita akan mati. Biar dia beramal biar dia pergi masjid sebagai orang Islam, biar dia sembahyang lima waktu sehari semalam, biar dia berpuasa.

Jadi, ini adalah diberi peluang kepada seseorang yang telah berkhidmat kepada Kerajaan selama beberapa tahun, diberi peluang supaya dia boleh menyenangkan dirinya. Ini saya yakin dan percaya Kerajaan ada menimbangkan hak-hak ini. Kali ini saya menyokong Kerajaan kerana saya fikir iaitu hari ini patut sangat Bil ini dikeluarkan supaya menyenangkan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga menyenangkan Kerajaan. Dengan sebab itu, saya haraplah

kepada pihak Kerajaan dan juga pegawai-pegawainya menimbangkan di atas perkara ini supaya perkara ini patut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen 12, muka surat 8 mengatakan:

12. Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai lain-lain daripada pegawai negeri, atau Pihak berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai apabila atau setelah ia mencapai umur—(a) empat puluh lima tahun bagi—

Itu satu peringkat. Ini dengan persetujuan dia, bukan dipaksa. Jadi ada barangkali yang silap faham iaitu fikirkan 45 tahun, ada semalam Yang Berhormat mengatakan iaitu dia mesti keluar—tidak. Kerajaan bertimbang rasa.

Kalau kita mengingatkan seorang perempuan, pertamanya iaitu seorang pegawai perempuan. Seorang pegawai perempuan ini tahulah perempuan, memasak, di samping kerja di pejabat, balik tugas kepada suaminya, memasak, lain-lain tugas kepada suaminya, menjaga anak, menyusukan anak, membasuh kain suaminya, itu tugas perempuan, bertanggungjawab kepada suaminya. Selain daripada itu, hamil pula, beranak, sakit, sembilan bulan sepuluh hari terpaksa mengandungkan anak, lelaki tidak tahu perkara itu. Berapa susahnyanya menjadi seorang perempuan. Jadi, dengan sebab itulah Kerajaan bertanggungjawab. Barangkali Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya itulah sebabnya Kerajaan memikirkan patut diberi perempuan ini dan berhak perempuan ini diberi, kalau dia hendak, bukan dipaksa—tidak, kalau dia hendak tetapi cuba kita baca betul-betul, kita kata boleh kalau dia hendak apabila dia mencapai umur 45 tahun.

Begitu juga seorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah. Begitu juga seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis, begitu juga seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan seseorang jururawat lelaki di hospital sakit otak dan sebagainya. Ini semua ada sebab-sebab yang diberi oleh Kerajaan, sebab-sebab maka mereka ini bersara, tetapi jikalau seorang

pegawai polis, hari ini seorang pegawai polis yang berpangkat rendah—ini adalah seperti askar juga Riot Squad, Polis Hutan, Polis Hutan bukan bekerja macam polis biasa, menjaga simpang, bekerja menangkap orang tepi jalan, orang tidak ada lesen ditangkap—tidak. Polis Hutan bekerja dalam hutan, berperang di sempadan, dalam hutan kerjanya, macam askar juga semi military force. Jadi orang ini juga Kerajaan mesti memikirkan, orang ini pandai cuma satu sahaja, membunuh atau dibunuh. Memegang senjata dan dia mesti membunuh musuh ataupun kalau tidak dia kena bunuh. Inilah yang diangkat dan dipikulnya dan dipikulnya hari-hari, senapang. Jadi Kerajaan pada hari ini mestilah menengokkan pegawai-pegawai polis yang berpangkat rendah ini apabila mencapai umur yang ditetapkan ini mesti dilatih, seperti juga pegawai-pegawai askar.

Apabila tempoh masanya akan sampai maka diberinya peluang satu dua tahun berlatih, diberi satu sekolah, ditanya apa dia hendak. Jadi tukang kayu, masuk ke FELDA skim, mengambil lesen teksi, betul-betul dicari dan diambilkan lesen teksi, jangan nanti sekali minta tidak dapat, dua kali minta tidak dapat, empat kali minta tidak dapat, akhirnya esok apabila dia berhenti tidak ada apa pencarian lain yang dia dapat, dia boleh memikirkan betul propaganda komunis. Hari itu sia-sia aku melawan komunis dalam hutan, sia-sia aku membunuh komunis, rupanya komunis ini memperjuangkan untuk hidup manusia yang ramai. Ini difikirkannya nanti. Dengan sebab itu, Kerajaan mesti memikirkan iaitu hari ini mesti diberi latihan yang benar-benar.

Bagi pihak polis ini maka Kerajaan mesti mencarikan tempat dia berlatih berniaga, masukkan di sekolah perniagaan setahun supaya dia tahu selok-belok perniagaan. Pertanian begitu juga. Memelihara ayam, bukan boleh memelihara kambing tiba-tiba memelihara kambing sahaja, memelihara ayam tiba-tiba ambil, campakkan beras, ayam makan, macam orang-orang kampung kita pada masa dahulu. Kalau hendak memelihara ayam betul-betul memelihara ayam. Kalau hendak memelihara ikan begitu juga, buat kolam, letakkan ikan di situ—tidak. Selepas itu panggil Menteri dan orang ramai tepuk tangan bila Menteri masukkan anak-anak ikan dalam kolam, begitu sahaja—bukan. Kemudian selepas itu tidak ada ikan

di dalam kolam. Dengan sebab itu latihan, oleh kerana mereka ini tidak ada apa-apa latihan, umur 18-21 tahun telah masuk dalam semi military—Polis Hutan ini tadi, maka mereka ini mestilah diberi latihan yang sebenar-benarnya latihan. Kalau tidak esok apa perjuangan kita, apa yang kita telah latih mereka di dalam polis, saya takut iaitu satu masa kemudian apabila mereka fikir umurnya masih lagi 45 tahun, masih muda, masih bertenaga lagi, tidak ada pekerjaan, maka senjata akan makan tuan.

Begitu juga seorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa. Juru-rawat lelaki di hospital. Ini semuanya ada sebab-sebab yang Kerajaan telah memikirkan sebab-sebabnya mereka ini mesti bersara pada umur-umur yang tertentu.

(b) lima puluh tahun bagi seseorang pegawai lelaki, lain daripada pegawai-pegawai dalam perenggan-perenggan kecil (ii) hingga (iv) perenggan (a).

Semua ini adalah 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah menyokong di atas tindakan Kerajaan terhadap Rang Undang-undang ini.

Seksyen 20:

20 (1) Seseorang pegawai tidak boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah jika pada tarikh ia bersara daripada perkhidmatan awam—

(a) ia dihukum menjadi bankrap atau diisytiharkan sebagai tak berkemampuan oleh sesuatu Mahkamah, sama ada di Malaysia atau di tempat lain; dan

Tuan Yang di-Pertua, kita manusia biasa. Di dalam kehidupan seseorang manusia bukan semua orang kaya, bukan semua orang mempunyai anak sahaja, bukan semua orang mempunyai dua orang anak, bukan semua orang mempunyai banyak tanah atau rumah, tetapi seseorang manusia ada problem dan banyak problem dan sebagai Kerajaan mestilah memikirkan problem manusia ini (human problem) mesti difikirkan oleh Kerajaan.

Sungguhpun Kerajaan boleh buat apa sahaja, kalau Kerajaan yang zalim boleh buat apa sahaja, kalau hendak potong kepala orangpun boleh—itu satu Kerajaan yang zalim, tetapi Kerajaan kita bukan Kerajaan

yang zalim, jadi terpaksa Kerajaan memikirkan di atas perkara ini. Apa sebab orang itu menjadi bankrap. Kalau sebab-sebabnya didapati iaitu bankrap dia hutang, dia berjoli, dia minum arak dan sebagainya, ini sepatutnyalah.

Kita mesti tengok barangkali dia berjoli, dia beli loteri tiga-empat-lima ekor yang digalakkan oleh Kerajaan atau pergi ke Genting yang digalakkan oleh Kerajaan yang dikeluarkan lesen sungguhpun ugama Islam mengatakan itu haram. Tetapi Kerajaan keluarkan juga oleh kerana mahukan hasil, tak mengapalah—kepada saya tak menjadi apa iaitu Kerajaan hendak mengutip hasil, haram haramlah, duit itu kita beri welfare macam duit loteri yang diberi kepada anak-anak miskin dan sebagainya. Itu tak menjadi apa. Tetapi orang begini mesti Kerajaan memikirkan, kita tengokkan bagaimana orang itu bankrap, apabila Kerajaan memikirkan dia mesti dipotong pencennya, Kerajaan mesti timbangkan yang dia bankrap—biarlah, tetapi pencen jalan juga. Sebabnya seperti saya katakan tadi anaknya pergi ke universiti, anaknya ramai sampai 8 orang walaupun ada perancang keluarga tetapi tidak dapat mengatasinya. Apa hendak buat dan Islam katakan tak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu masalah yang Kerajaan mesti memikirkan yang orang itu berhutang, dia tak dapat membayar hutangnya. Kemudian di-bankrapkan dan kalau Kerajaan hendak memotong bayaran pencennya, jadi lebih susahlah orang itu, dia lebih susah lagi, lebih menderitanya lagi, akhirnya dia mungkin gantung diri. Jadi Kerajaan mestilah memikirkan sebabnya sebelum dia menjadi bankrap. Kalau betul-betul dia joli, dia bankrap, itu lain hal. Tetapi kalau dia ada banyak mempunyai anak, Kerajaan mestilah memikirkan dari segi perikemanusiaan, memikirkan dia patutlah diberi pencen dan apa hukuman mahkamah misalnya dia kena bayar ansur \$10-\$80 sebulan, bayarlah, lebih pencennya, biarlah dia hidup sebagai orang biasa kalau tidak melebihi kesusahannya dia bukan kepada diri dia sahaja tetapi kepada anak isterinya. Ini Kerajaan mestilah difikirkan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan sudah menimbang dengan sehalus-halusnya kepada pegawai-pegawai dan kita di sini telah berbincang di atas perkara ini,

mereka mestilah memikirkan apa yang kita mahu, apa sebab Kerajaan memberikan pencen, semata-mata oleh kerana kerja dan tenaga mereka itu yang telah memberi khidmat yang betul-betul kepada rakyat, bukan khidmat kerana hendak duit sahaja, bukan orang hulur duit, nanti khidmatnya lebih, corruptionnya lebih—bukan itu perkhidmatannya, perkhidmatan seseorang pegawai Kerajaan ialah untuk negara yang kita pada satu masa yang akan datang Kerajaan akan memberikan pencen dan bonus-bonus tadi.

Saya yakin dan percaya jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai di Thailand, di Indonesia, di Filipina termasuklah di negeri Jepun sendiri, pegawai-pegawai kitalah yang lebih tinggi gajinya. Kalau dia lulus daripada universiti di negeri Jepun, dia hanya bekerja sebagai tukang sapu sampah, penjaga hotel juga berkelulusan universiti, yang bekerja di fakulti pun boleh dikatakan kelulusan universiti. Jadi Kerajaan kita melatih anak-anak kita hingga lulus daripada universiti dan diberi gaji yang cukup mahal, segala-galanya ada, selepas 10 tahun pula diberi mereka itu (Pegawai Division I) peluang melawat ke luar negeri dengan isterinya, mengelilingi dunia dengan percuma terutama di masa penjajah tetapi sekarang saya tidak tahu, kalau tidak ada mestilah diadakan peluang itu supaya boleh keliling dunia. Begitulah layanan Kerajaan terhadap pegawai-pegawainya. Dan dengan adanya layan-layanan seperti itu maka dibuatnyalah satu undang-undang untuk memelihara pegawai-pegawai Kerajaan, kepada kami yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan tidak ada apa undang-undang, tidak ada apa-apa jaminan, peladang yang bekerja di sawah padi dari pagi sampai ke petang digigit nyamuk dan sebagainya dan pemotong getah yang bekerja di ladang sejak pukul 4.00 pagi mereka sudah keluar dengan lampu suluh di kepalanya setiap hari dengan menghadapi nyamuk, penyakit dan sebagainya. Tetapi pegawai-pegawai kita hari ini Kerajaan telah menimbang gaji yang baik, kita beri pula kebenaran mengadakan kesatuan sekerja untuk melawankan gaji dan sebagainya. Tetapi perkhidmatannya yang kita mahu terhadap pegawai-pegawai itu, rakyat berkehendakkan perkhidmatan kepada semua pegawai terutama yang miskin di kampung-kampung itu.

Kalau kita pergi ke Pejabat Daerah, cuba kita tengok macam mana orang miskin duduk berjam-jam membuang masa, orang kampung yang susah payah itu, kadang-kadang pegawai-pegawai itu anak daripada orang miskin yang diberi scholarship daripada Kerajaan tetapi tak ubah seperti kacang lupakan kulit. Bagaimana susah ibu-bapanya membiayai persekolahannya tetapi mereka tak ingat kepada orang-orang kampung yang datang ke pejabat untuk membayar cukai, mereka datang ke Pejabat Daerah dan sebagainya untuk mengadu nasib untuk meminta TOL, untuk membuat rumah dan sebagainya. Apa yang pegawai-pegawai ini sekarang pandai buat, kalau ada sahaja rumah haram sedikit—dipecahkan, dirobuhkan, jahanamkan. Itu ikut undang-undang dengan tidak menggunakan otak lagi. Si miskin itu kerana dia miskin, dia membuat rumah haram, sedangkan undang-undang itu dibuat oleh manusia, kalau dipakai undang-undang itu tanpa pertimbangan tak boleh langsung kita berjalan, semuanya mati. Dengan sebab itu, saya harap kepada pegawai-pegawai Kerajaan di mana Kerajaan telah menyiapkan undang-undang ini untuk memelihara pegawai-pegawainya yang berkhidmat dan dengan adanya wang pencen itu yang datangnya daripada rakyat, daripada pihak kita semua maka pegawai-pegawai Kerajaan mestilah menunjukkan jasanya kepada rakyat, janganlah mengatakan, pedulikanlah. Tetapi hendaklah dengan semangat betul-betul untuk bekerja dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita tengok apa sebabnya saya mengatakan di dalam Dewan ini bahawa firma-firma Jepun itu maju, firma kita selalu jatuh. Orang-orang Jepun itu betul-betul taat bekerja kepada firmannya walau apa jadi sekalipun, tetapi kebanyakan orang kita hendak menipu firma itu, hendak makan duit kalau dapat kita sapu dahulu, kita tak peduli apa jadi kepada company kita, tetapi kepada orang Jepun tidak begitu. Ini kita mesti contohi semangat mereka itu tetapi pegawai-pegawai di sini mengatakan pedulikanlah, kita dapat gaji.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada bermesyuarat dengan pegawai-pegawai tingginya semalam. Kalau kita tidak ada semangat, Tuan Yang di-Pertua, adakanlah berpuluh kali mesyuarat, semangat bekerja

untuk rakyat tidak ada, bukan saya mengatakan semua pegawai, tetapi banyak pegawai yang betul-betul taat, saya puji pegawai itu, tetapi pegawai yang tidak bersemangat dan mementingkan dirinya maka pegawai-pegawai itu mestilah menyedarinya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lagi hendak melengah-lengahkan masa sebab ramai rakan-rakan saya akan bercakap berkenaan Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Menteri semalam telah menyatakan ada lain pula bentuk Rang Undang-undang untuk Angkatan Tentera, di sini tidak termasuk tentera.

Berkenaan dengan tentera ini khususnya yang berpangkat rendah inilah yang kebanyakannya mati dahulu kerana selalunya mereka yang tidak berpangkat atau pegawai rendah inilah yang pergi ke hadapan dalam masa peperangan. Dengan sebab itu saya harap kepada Yang Berhormat Menteri bukan sahaja kerana ada satu dasar untuk melepaskan batuk di tangga seperti kata pepatah Melayu. Buat sahajalah sebab ini disuruh, didesak jadi dibuatlah. Bukan begitu, kita berkehendakkan betul-betul apabila mereka berhenti sahaja daripada perkhidmatan tentera ada sekolah (training centre) bukan dimasukkan dia enam bulan duduk di kilang.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat mereka masuk di kilang apa pun tidak dibuatnya, kadang-kadang dia masuk ke kilang itu dan pergi ke mana-mana sahaja yang dia suka dan selepas itu diambil sahaja gaji enam bulan. Kita mesti bertanggungjawab iaitu adakan tempat-tempat bekas askar macam mana bekas-bekas askar Chiang Kai Sek di Taiwan, mintalah beberapa orang daripada Kementerian yang berkenaan pergi ke Taiwan tengok bagaimana bekas-bekas askar Taiwan sungguhpun dahulu dikatakan itu dan ini, tetapi bekas-bekas askar di sana betul-betul dijaga sebab mereka telah menentang komunis di Tanah Besar China, jadi patut tenaga dan nyawa mereka mestilah dipertimbangkan, dan Kerajaan mestilah menengokkan bagaimana kehidupan mereka selepas bersara, sebab mereka ini menerima wang persaraan bukan berapa sen dapatnya sebulan. Oleh kerana perkhidmatannya seperti yang dikatakan tadi hanya 10 tahun atau 21 tahun selepas itu dia bersara maka diberi 1½ tahun ataupun 2 tahun, kalau jadi

bricklayer biar dia jadi bricklayer yang betul-betul bukan untuk menjadi general labourer sahaja. Inilah yang dikehendaki oleh bekas-bekas tentera.

Saya dahulu pernah juga menjadi anggota tentera, jadi dengan sebab itu, saya tahu sebagaimana kehidupan bekas-bekas tentera ini. Oleh itu, saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang ini dengan suara yang nyaring dan dengan betul-betul tulus dan ikhlas.

4.14 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil dayausaha untuk membuat dan merangka satu undang-undang untuk menyelaraskan Undang-undang Persaraan bagi seluruh kakitangan Kerajaan. Saya percaya undang-undang ini adalah untuk mengadakan dan memperbaiki serta menambah perolehan pesara-pesara, di samping itu Kerajaan juga di bawah undang-undang ini boleh mempersarakan mana-mana pegawai yang didapati tidak memuaskan adalah menepati janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk mengadakan satu Kerajaan yang bersih lagi dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peraturan-peraturan ini iaitu Peraturan 5 (2), Kerajaan adalah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi menentukan kadar-kadar pencen ataupun kadar-kadar pesara yang akan dibayar mengikut beberapa kategori pesara-pesara yang telah dibuat juga di dalam peruntukan undang-undang ini. Di dalam undang-undang ini juga ada beberapa jenis pesaraan sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat semalam iaitu di bawah Seksyen 7, 8, 10 dan juga 11. Saya dapati berbagai-bagai jenis pegawai Kerajaan yang dapat dipersarakan iaitu satunya apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan di bawah Seksyen 5 (b); 5 (c)—“bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki”; dan 5 (d)—“apabila ditamatkan pekerjaan pegawai itu demi kepentingan awam”.

Saya ingin juga menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu perkara imbuhan pencen ini ada disebutkan di bawah Fasal 22 (1) yang berbunyi:

“22 (1) Pencen perkhidmatan yang diberi kepada seseorang pegawai di bawah Akta ini tidak boleh melebihi setengah daripada gaji yang akhir diterimanya.”

Ini bermakna mana-mana pegawai yang bersara di bawah Akta ini akan dibayar pencen tidak lebih daripada setengah. Bagi menentukan kadar yang akan dibayar saya kira adalah terletak di bawah Fasal 5 (1) dan (2) iaitu yang menyebutkan:

“5 (2) Walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh diberi kuatkuasa kebelakangan kepada suatu tarikh yang lebih awal daripada mula berkuatkuasanya Akta ini supaya dapat memberi faedah kepada mana-mana orang atau menghapuskan sesuatu kelemahan yang terkait pada mana-mana orang.”

Oleh kerana pesara-pesara ini adalah berlainan kategorinya, saya sukalah menyatakan di sini bahawa mereka ini dibersarakan di bawah Seksyen 10 (a) dan (b) adalah termasuk mereka yang malang. Manakala (a) adalah kemalangan takdir iaitu kelemahan tubuh badan yang berkekalan dan (b) iaitu kemalangan yang disebutkan tadi iaitu apabila jawatannya yang dipegangnya dihapuskan. Saya berharap pihak yang membuat peraturan-peraturan bagi menentukan imbuhan-imbuhan ini dapatlah memberi pertimbangan di dalam semua cara-cara bersara ini iaitu persaraan di bawah 5 (a) dan 5 (b) adalah berlainan sekali daripada mereka yang dibersarakan di bawah 5 (d) dan 11 (a) dan (b). Jadi kategori inilah yang patut diberi perhatian oleh mereka yang berhak dan yang diberi tugas untuk membuat peraturan-peraturan yang berikut di bawah Akta Pencen ini.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi iaitu hasrat Kerajaan ialah hendak mengadakan perkhidmatan yang cekap dan dedikasi. Daripada undang-undang ini nampaknya Kerajaan boleh bertindak memberhentikan mana-mana pegawai yang didapati cuai seperti di bawah Seksyen 5 (a) dan 11 (b).

Bagaimanapun saya berharap bahawa peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti akan dapat menutup kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam Undang-undang ini iaitu janganlah terdapat mana-mana pegawai yang ingin bersara kerana berminat di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di samping itu mencari ikhtiar pula bagi mendapat faedah daripada Akta Pencen ini, dengan kerana telah disebutkan di sini "demi kepentingan perkhidmatan Awam" mungkin ada juga berlaku setengah-setengah pegawai untuk mencari helah supaya ia dapat dipersarakan di bawah Seksyen 11 (b).

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya inginlah mendapat sedikit lagi penjelasan di bawah Fasal 22 iaitu mengenai pencen perkhidmatan yang diberi kepada seorang pegawai tidak lebih daripada setengah bayaran. Saya harap Kementerian atau Yang Berhormat Menteri yang berkaitan dengan memberi penjelasan apakah makna yang sebenarnya yang disebut "tidak boleh melebihi setengah daripada gaji yang akhir yang diterimanya". Adakah pegawai-pegawai yang dipersarakan di bawah Seksyen 16 atau di bawah Seksyen 5 (a), (b), (c) dan (d) kesemuanya ini berhak mendapat setengah daripada ganjaran persaraan?

Selain daripada itu perkara yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyebut sedikit berkenaan dengan terjemahan atau bahasa yang digunakan di dalam Akta ini dengan kerana saya dapati perkataan-perkataan yang biasa digunakan oleh peguam-peguam di dalam surat-surat mereka, ia tidak menyebut sepertimana yang diterjemahkan di bawah Undang-undang ini iaitu sepertimana perkataan "without prejudice" dalam bahasa Inggerisnya tetapi terjemahan di sini disebutkan dengan perkataan yang lain iaitu "tanpa menyentuh Seksyen 7". Barangkali perkataan "without prejudice" ini dapat dikenali dengan "tanpa menyentuh" tetapi walau bagaimanapun saya haraplah bahawa pada masa yang akan datang perkara Undang-undang ini perkataan-perkataan yang digunakan di dalam Undang-undang mestilah mempunyai ketuanan mempunyai ketinggian dengan kerana walaupun saya bukan seorang peguam tetapi saya seorang yang mengetahui bahasa-bahasa selain daripada bahasa Inggeris, seperti bahasa Arab. Selalunya perkataan yang digunakan dalam Undang-undang ini kerap

dibuat rujukan daripada istilah-istilah lain. Jadi nampaknya kemajuan kita di dalam segi undang-undang begitu sekali ketara yang mana perkataan-perkataan di dalam undang-undang kita kadangkala sukar difahami walaupun kadangkala saya telah bertanya mengenai perkara ini kepada beberapa orang teman saya yang menjadi peguam. Mereka nampaknya kurang jelas dan tidak dapat memahami istilah di dalam bahasa lain. Bahasa yang baik itu adalah bahasa yang mudah difahami.

Inilah sahaja dan saya berharap selepas lulusnya Rang Undang-undang ini dapatlah kita lihat di dalam masa yang singkat seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa sebuah Kerajaan yang bersih lagi dedikasi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Haji Samad. Jikalau tidak mahu berucap, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

4.26 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Ada orang yang menolak tuah! Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama dengan rakan-rakan sejawat saya yang lain memberikan sokongan yang penuh kepada Kerajaan yang telah mengadakan satu Rang Undang-undang Pencen, tahun 1979.

Sebelum daripada saya membuat komen dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menarik perhatian kepada Rang Undang-undang ini yang ada kaitannya. Yang pertama sekali mari perhatikan di atas Bill ini dicap D.R. No. 21/79; kenapa tidak dicapkan D.N. No. 21/79? Yang kami terima "Dewan Rakyat" sahaja. Walaupun ini satu perkara yang kecil tetapi kalau kami tidak mahu terima ini boleh juga.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk dalam Rang Undang-undang ini muka surat 14, disebut "Kerajaan Brunei, Kerajaan Hong Kong, Kerajaan Singapura". Apa ada kena mengena, pada saya yang lemah ini saya tidak tahu apa ada kena mengena dimasukkan Kerajaan Brunei, Kerajaan Hong Kong, Kerajaan Singapura dan tidak dibuatkan satu ulasan adakah Rang Undang-undang ini dipadankan dengan undang-undang Kerajaan Brunei, Kerajaan Singapura dan Kerajaan Hong Kong. Itu

satu perkara yang boleh kita terima tetapi pada saya ini adalah satu perkara yang ganjil. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberikan penjelasan dalam masalah-masalah yang saya bangkitkan ini walaupun kecil pada saya adalah besar.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menyampaikan ucapan terima kasih, tahniah dan syabas pada Peguam Negara kita kerana telah menggubal dan menerbitkan Rang Undang-undang ini naskhan sahihnya dalam Bahasa Malaysia; bukan bahasa Inggeris. Yang baik itu kita puji dan saya mengharapkan akan diikuti oleh beberapa Rang Undang-undang lagi di masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dibuat ini adalah besar ertinya kepada memberi kedaulatan Bahasa Kebangsaan dan masalah ini pernah kita suarakan dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya hendak tambah usaha yang mulia ini patut kita puji di Dewan ini menjadikan satu peransang kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Malahan pula saya dengar Kementerian Undang-undang telah mewujudkan satu unit khas kerana meminda Rang Undang-undang lama. Saya harap unit ini biar berjalan, jangan bersungut banyak sangat Rang Undang-undang tidak terbeban oleh saya. Minta pegawai dan minta wang daripada Kementerian Kewangan, kita sokong asalkan dilaksanakan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan juga contoh yang dibuat oleh Peguam Negara ini akan menghayati segala bidang pentadbiran negara ini dengan Bahasa Kebangsaan dengan sepenuh malahan pula menurut yang kita tahu sebagaimana yang saya telah cakapkan tadi Peguam Negara telah mewujudkan satu unit kerana menterjemahkan undang-undang yang lama. Usaha yang ber-sungguh dan ikhlas ini sebagaimana yang dilahirkan dalam Rang Undang-undang ini akan menjadi satu cabaran atau tamparan kepada golongan yang ragu-ragu, sangsi bahawa Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia tidak dapat diamalkan dengan sepenuhnya dalam semua bidang pentadbiran perundangan dalam negeri. Maka rakyat sekalian dengan penuh perhatian ke atas golongan ini, mereka ini satu masa kelak akan menjadi "si Luncai tenggelam dengan labu-labunya", kalau ada ketegasan pihak Peguam Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada tajuk asal perbahasan atas Rang Undang-undang ini, bahawa tujuan melaksanakan skim perkhidmatan dengan menyatukan Rang Undang-undang Pecen ini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan tidak samasekali pengakuan Yang Berhormat Menteri pada prinsipnya menegaskan hak peruntukan persaraan atas Akta tahun 1951. Jaminan ini menjadi keyakinan kepada Dewan ini dan menjadi keyakinan pada seluruh persara-persara di tanahair kita ini. Ini satu kebangsaan bagi negara kita yang kecil ini kiranya dapat diusahakan dalam bidang-bidang yang lain berupa penyatuan ini akan dapat melicinkan dan memperbaiki pentadbiran negara yang selama ini ada perkara-perkara dan peraturan yang diasingkan antara satu negeri dengan satu negeri, antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Walhal Malaysia ini sebuah negeri yang kecil di antara negara dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam Rang Undang-undang ini juga di antara maksud Rang Undang-undang ini membuat satu peruntukan mengenai pentadbiran pecen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka. Ini satu bukti betapa murni niat dan usaha Kerajaan yang dipilih oleh rakyat menghargai jasa dan khidmat yang disumbangkan oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan juga tempatan. Sebagai balasan selain daripada gaji yang mereka terima tetapi setelah bersara diberi sumbangan yang ada terjamin peruntukannya yang muktamad mereka terima apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga patut melihat bahawa Rang Undang-undang ini pada masa sekarang akan melibatkan lebih 500,000 pegawai-pegawai awam, badan-badan berkanun dan tempatan dan akan bertambah dari masa ke semasa. Mereka ini menerima tanggagaji yang terbaik sekali bagaimana yang telah dikatakan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, satu tanggagaji yang terbaik sekali di Tenggara Asia ini khususnya, amnya seluruh dunia. Jarang-jarang Kerajaan yang boleh memberi upahan gaji bagaimana diberi oleh Kerajaan Malaysia. jadi dengan itu satu kesyukuran yang patut diterima oleh

keseluruh pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Rakyat pula rela memberi hampir 25% daripada hasil yang diperolehi dari pendapatan negara diberi peruntukan kerana gaji perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan tempatan dengan tujuan dan hasrat rakyat supaya dari hasil dan khidmat mereka yang cemerlang itu kelak akan menelurkan, meninggikan ekonomi negara dan menaikkan taraf hidup rakyat pada matlamat hidup yang mewah, aman dan bahagia khususnya yang sangat berharap pergantungan harapannya ialah golongan-golongan yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga berasa lega kerana Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh mewujudkan beberapa peraturan, panduan seperti khidmat Cemerlang, bagi membaiki dan meninggikan mutu pegawai perkhidmatan awam. Rakyat sentiasa memerhatikan setiap langkah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam dari setinggi-tinggi pangkat hingga serendah-rendah pangkat jawatannya, dari masa ke semasa, dari sedetik ke sedetik adakah pegawai-pegawai Kerajaan ini dapat mengamalkan peraturan dan panduan dan juga seruan-seruan Ketua-ketua Jabatan kepada mereka kerana rakyat juga terus gelisah, kurang-senang, dan membuat teguran didapati ada lagi setengah daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bersikap curang, tidak jujur, bongkak, angkuh bila menghadapi rakyat pada menjalankan tugas. Ini dapat disaksikan kenyataan ini bilamana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Ketua Kerajaan Pusat, sebagai Ketua Parti Barisan Nasional yang telah menyeru pegawai-pegawai Kerajaan supaya mewujudkan kepimpinan yang berkesan dan dinamis dalam usaha mempertinggikan lagi pentadbiran Kerajaan. Sekiranya kalau berlaku kelicinan, tidak seharusnya nasihat ini atau amaran ini diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya pandangan rakyat memanglah tak rela kejadian ini berterusan dan rakyat juga memahami bahawa pegawai-pegawai Kerajaan selain daripada mereka menerima gaji, mereka juga menerima pencen sebagaimana peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang. Oleh itu saya merayulah kepada kakitangan Kerajaan khususnya supaya

dapat mengikuti panduan-panduan yang telah diberikan kepada mereka demi kepentingan rakyat. Sebab kalau rakyat tidak memilih Kerajaan Barisan Nasional ini, saya yakin dan percaya bahawa perkhidmatan Kerajaan yang ada sekarang akan berubah, bila berubah mungkin tidak ada nikmat sepertimana yang ada sekarang. Dengan sebab itu kita mengharapkan perkara ini, bukan perkara kecil, tetapi adalah satu perkara yang besar tanggungannya kepada kakitangan Kerajaan.

Selain daripada itu, bila mana Rang Undang-undang ini dilaksanakan kelak dan telah diberi jaminan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa peruntukan yang diberi dalam kandungan Rang Undang-undang ini adalah lebih baik, lebih terjamin daripada Ordinan Pencen 1951.

Saya berterima kasih atas pengakuan ini. Walau macam manapun, saya mengharapkan Kerajaan supaya mengambil perhatian dan tindakan ke atas sungutan-sungutan dan rayuan-rayuan yang dibuat oleh pesara-pesara kita yang terlibat dalam Ordinan Pencen 1951 khususnya saya tujukan yang terlibat dengan tanggungaji Suruhanjaya Gaji Suffian, mereka sekarang hanya menerima persaraan yang merupakan 1/600 tidak 1/800 sebagaimana pesara-pesara baru. Hal ini juga patut diperhatikan oleh Kementerian ini, kalaulah ada rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan pesara di dalam negeri ini walaupun telah ada sebuah badan yang bebas tetapi Kerajaan patut memerhatikan sebab saya percaya dengan sungutan itu dapat kita memahami bahawa peruntukan persaraan mereka yang lalu belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, rakan sejawat saya telah membuat satu pandangan tentang kelambatan Kerajaan memberikan persaraan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya menyokong dan saya mengharapkan dengan peruntukan Rang Undang-undang ini pentadbirannya akan licin, hak persaraan yang akan diterima oleh pegawai-pegawai Kerajaan itu supaya dapat diterima lebih awal dan cepat. Peraturan-peraturannya boleh dibuat. Semalam, Yang Berhormat Menteri menyatakan sepatutnya sebelum mereka itu dipersarakan, telah diberitahu supaya mengemaskan kerja-kerja yang ada sangkutan dengan persaraan.

Dengan keadaan ini bila mereka bersara dengan mudah dan dengan cepat mereka akan menerima hak.

Kita buat contoh, kerja Tuhan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan hendak menunjukkan manusia itu apabila dia hampir mati, Tuhan memberikan rambutnya uban, Tuhan menjadikan telinganya kurang mendengar (pekak), giginya patah, dan sebagainya. Itu semua amaran Tuhan hendak menunjukkan bahawa manusia ini tidak lama lagi

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tenaga lemah!

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kata Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak tenaga lemah, itu saya kurang periksa, sebab tenaganya boleh dikuatkan. Jadi itu satu contoh simple yang Tuhan beri, boleh digunakan oleh pegawai di Bahagian Pencen ini. Tahun 1980 dia tahu berapa ramai pegawai yang hendak bersara, sediakanlah butir-butir persaraannya, supaya sampai masanya kita berikan bonos dan pencennya. Ada orang bercakap, orang yang bersara ini ada yang sampai meninggal dunia tidak merasa duit pencennya itu, Tuan Yang di-Pertua. Alangkah ajaibnya orang yang telah bersara seperti kita apabila bersara tidak ada kawan lagi. Anak jauh kawan pun jauh, belanja kopi pun dia tidak mahu lagi. Kemudian, ada tempat yang dia hendak mengadu iaitu Bahagian Pencen, lambat pula dengan bermacam-macam kesalahan dan sebagainya. Mereka hendak mengemaskan hal ehwal pesara pun betul juga, itu peraturan, sebab kakitangan Kerajaan ini banyak pula yang berhutang. Jadi hutang itu dia tidak mahu bayar masa dia terima duit. Jadi Kerajaan kemaskan supaya apabila dapat sahaja wang dibayarkan hutang mereka. Itu satu pandangan yang saya fikir ada perubahan dengan adanya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, patut difikirkan oleh Kementerian berkenaan, kita telah memberi persaraan kepada kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam Ordinan Pencen 1951. Mereka telah berkhidmat zaman Kerajaan penjajah dahulu. Pada masa sekarang mereka ini berpindah ke negeri asal ataupun ke negeri lain dan telah tidak menjadi warganegara Malaysia, ataupun dia bermastautin di negeri itu. Jadi pada hemat saya, perkara ini patut dikaji semula

supaya persaraannya itu tidak diteruskan. Walaupun pada pandangan setengah golongan ini tidak adil tetapi saya fikir inilah satu hak warganegara ini. Sekiranya mereka terus tinggal di dalam negeri ini jadi warga-negara negeri ini persaraannya itu wajar diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 7 (a) dan (b) muka surat 6 dan banyak telah diperkatakan oleh rakan sejawat saya berhubung dengan pemberian taraf berpencen:

“7 (a) Genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkira.”

Rang Undang-undang ini memberi satu peluang yang sangat baik kepada kakitangan Kerajaan yang berkhidmat selama yang disebutkan 10 tahun. Kalau boleh saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sekiranya ada pegawai-pegawai ataupun kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat selama itu dan dia berhenti dapatkah difikirkan persaraan mereka. Dan ini terlibat banyak. Pemberhentian dia dengan kehendak umum ataupun juga dengan kehendak negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujukan dalam Fasal 9 mengenai pemberian pencen iaitu dipaksa bersara di bawah fasal 10. Saya kurang faham dalam masalah ini, barangkali boleh diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tujuan bersara yang dipaksa.

Kalau boleh saya memahamkan kalau seorang kakitangan Kerajaan yang telah terlibat dalam satu-satu masalah atau membuat satu kesalahan Kerajaan bertimbang rasa kepada dia dan Kerajaan paksa dia bersara setelah berkhidmat 10 tahun. Tetapi pada saya, manusia yang macam ini kalau sudah betul dia ada membuat kesalahan dalam perkhidmatannya tidak harus kita beri persaraan.

Satu perkara lagi mengenai umur persaraan. Saya tidak bersetuju dengan rakan sejawat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik umur itu ditetapkan pada 55 tahun. Saya lebih bersetuju apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya Senator Kamarul Ariffin iaitu meninggikan kepada 60 tahun. Sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang kurang pegawai-pegawai professional dan

pegawai yang cekap sehingga sekarang Jabatan Perkhidmatan Awam menghendakkan pegawai-pegawai itu belum lagi dapat diisikan. Jadi, kalau kita meneruskan khidmatannya hingga 60 tahun itu maka kekosongan ini akan dapat diisikan dan tidak pula menyekat belia-belia kita yang keluar daripada universiti. Sebab pengalaman dalam pentadbiran itu satu khidmat yang susah dapat dicari. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan menimbangkan umur 60 tahun ini pada jawatan-jawatan yang terkhas. Ada kalanya mereka ini perlu sangat tenaganya, perlu sangat khidmatannya, kita tidak ada, kita hendak gunakan pegawai dagang sudah lepas masa, kegunaan pegawai tempatan suruh dia berkhidmat, 60 tahun masih gagah lagi, boleh dia bekerja. Jadi, dengan keadaan yang macam ini, saya fikir peluang mereka yang betul-betul hendak berkhidmat dapat diberi. Walaupun ada peluang dalam satu fasal boleh diberi peluang dia bersara tetapi kalau jawatan itu diperlukan, kita minta dia teruskan sehingga umur 60 tahun, termasuk juga wanita yang bersara sampai 50 tahun kalau saya tidak salah; sampai 55 tahun pun tidak apa, oleh sebab kita kurang sebagaimana saya sebutkan tadi dalam bidang pegawai-pegawai ikhtisas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujukkan perbahasan saya ini dalam Fasal 10 (5) (a) iaitu pegawai-pegawai yang boleh dipersarakan. Saya difahamkan bahawa satu daripada Kementerian Pelajaran telah membuat satu surat pekeliling kepada semua guru-guru dalam tanahair kita ini. Surat pekeliling itu diminta guru-guru itu menyatakan dalam borang itu selain daripada mereka berkhidmat sebagai guru sama ada mereka juga ada menjalankan perniagaan. Sekiranya dapat dalam laporan ini banyak kerja-kerja dan minat guru ini pada perniagaan dengan kuatkuasa ini juga kita paksa dia berhenti, biarlah dia berniaga. Ini adalah menjadikan satu faedah kepada diri cikgu itu dan juga kepada negara dan murid. Sebab kalau satu manusia dia mempunyai tugas yang penting dua hala dan saya fikir tidak akan sempurna khasnya kalau dalam bidang perniagaan ini dengan mengejar keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rujukkan perbahasan saya kepada Fasal 12—Persaraan pilihan. Tadi telah dicakapkan oleh rakan sejawat saya ramai orang-orang ini yang

boleh memilih persaraan iaitu sebagaimana yang tertera dalam Rang Undang-undang ini dan umurnya bagi pegawai wanita 40 tahun dan lelakinya 50 tahun. Saya memandangkan bahawa negara kita ini masih kurang pegawai-pegawai dan pegawai yang bekerja ini adalah pegawai yang telah ada pengalaman dan mahir patut fasal ini kita tingkatkan umur mereka boleh membuat pilihan kepada 50 tahun wanita dan juga 55 tahun lelaki.

Berkenaan dengan Fasal 14—Pencen dan ganjaran terbitan jika seorang pegawai itu mati dalam perkhidmatan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan di bawah 14 (2) ini kerana selama ini bagi keluarga kakitangan Kerajaan yang telah meninggal dunia banyak yang terbiar tetapi dengan adanya peruntukan ini boleh dibayar persaraan kepada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.58 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.17 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

5.17 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya merujukkan perbahasan saya kepada Fasal 19 atas kepala Pencen, dll. tidak boleh diserahkan. Saya bangkitkan dalam pecahan-kepala kecil (b) iaitu:

(b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, pegawai yang telah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah itu.

Cuma saya minta, Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah ini termasuklah tuntutan-tuntutan yang ada dikehendakkan oleh Mahkamah Syariah.

Dalam Fasal 20, Tuan Yang di-Pertua, Pencen, dll. terhenti apabila bankrap. Ini juga saya memberikan sokongan atas pandangan Yang Berhormat rakan sejawat saya, Raja Datuk Nong Chik patut bagi pihak orang yang telah dikenakan bankrap diteruskan persaraannya. Ini memandangkan, alasan saya tidak payah beri sebab telah diberikan oleh rakan sejawat saya, memandangkan bahawa perkhidmatan mereka yang telah diberikan selama itu tetapi masalah timbul mereka dikenakan bankrap itu adalah dengan keadaan desakan hidupnya. Jadi, dalam tajuk ini saya memberi sokongan pandangan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Fasal 21, cuma saya ingin tahu mereka yang pencen terhenti apabila disabitkan penjara selama satu tempoh oleh mahkamah. Yang saya masih ragu tempoh yang disebutkan itu berapa lama? Sebulan, sehari, seminggu dan saya difahamkan bahawa tempoh yang ditentukan itu adalah molek sebulan barulah terhenti persaraannya. Ini pandangan saya. Dalam fasal ini masih umum, tidak menentukan berapa lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja pandangan yang saya dapat berikan dan dengan itu sekali lagi saya memberikan sokongan yang kuat ke atas Rang Undang-undang yang dibawa di hadapan kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

5.20 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencen 1979 ini sebelum memberikan sokongan maka suka-lah juga saya turut memberikan pandangan saya dalam beberapa bahagian secara umum dan ringkas oleh kerana memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara saya yang terdahulu bercakap sama ada dari segi undang-undang dan dari segi peraturan perubahan pencen sudah diperbahaskan dengan panjang lebar.

Saya secara umum suka-lah saya menyentuh Rang Undang-undang Pencen ini oleh kerana Malaysia telah merdeka, negeri-negeri termasuk dalam Malaysia adalah wajar dengan Rang Undang-undang ini di-

adakan di seluruh negeri untuk menerima undang-undang ini dan menyatukan peraturan-peraturan dan perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah mahu ada peraturan lain di negeri-negeri, badan-badan berkanun selain daripada Rang Undang-undang yang akan diterima nanti. Berkenaan pegawai-pegawai yang dikanunkan bagi penerimaan pencen patutnya janganlah ada pilih kasih dalam pemberian dan pelaksanaan pencen itu dan banyak perkara antaranya pelaksanaan pencen antara tanggagaji Suffian dengan Kabinet yang telah diluluskan beberapa lama tetapi tidak dilaksanakan sampai hari ini. Banyak kita dapati pegawai yang telah lama pencen atau yang baru pencen tetapi pelaksanaan tanggagaji Suffian kepada tanggagaji Kabinet masih belum terima dan belum dilaksanakan. Banyak di antara pegawai-pegawai mengatakan mereka sudah tua mereka perlu rihat, perlu kemudahan, kewangan serta ketenangan di waktu mereka telah pencen, tetapi oleh kerana banyak perubahan demi perubahan mereka terpaksa banyak berfikir dan terpaksa mengira balik untung rugi dan mereka terpaksa bertindak, kadang-kadang terpaksa memakan waktu dan wang bagi mereka mendapatkan nikmat dan penjelasan dan kadang-kadang menyertai dailog-dailog tetapi malangnya pelaksanaan gaji dan pencen masih belum selesai terutama pelaksanaan orang yang saya nyatakan tadi antara tanggagaji Suffian dan Kabinet masih banyak yang belum menerima nikmatnya. Maka diharaplah pihak Kerajaan dalam pelaksanaan peraturan yang telah kita putuskan ini hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera.

Begitu juga dalam perkara penerimaan pencen ini Kerajaan patutlah mengadakan satu peraturan lagi dalam perkara orang bersara. Mengikut pengalaman pesara-pesara banyak yang telah tua dan uzur dan mereka menghadapi kecacatan anggota dalam perkara menerima pencen itu mereka amat susah, terpaksa keluar sendiri pergi mengambil pencennya. Dalam masalah ini juga saya mengharapkan pihak Kerajaan mengambil perhatian terutama kepada balu-balau yang telah tua dan anak-anaknya berjauhan maka problem mengambil wang pencen itu terpaksa mengeluarkan banyak wang kerana perbelanjaan. Maka dalam masalah ini Kerajaan hendaklah mengadakan satu

peraturan agar yang uzur itu dapat diberi kemudahan untuk pergi menerima pencen itu. Masalah pegawai atau pesara-pesara tidaklah semua boleh mengelak diri dari perkembangan masyarakat akibat keluarga atau lain-lain sebab iaitu mungkin terlibat atau ada secara persendirian atau bersyarikat dan ada kadang-kadang turut sama dalam menghadapi tindakan undang-undang dan kebangkrapan.

Saya rasa Kerajaan patutlah mengadakan cara menolong dan memberi bantuan sukarela kepada yang terlibat kerana jasanya di waktu semasa bertugas. Apa lagi sekarang pegawai-pegawai yang terlibat dengan berbagai projek perniagaan dan perindustrian yang nasib masa depan usahanya masih belum terjamin sama ada berjaya atau sebaliknya, maka Kerajaan hendaklah mengadakan satu langkah yang bersesuaian dengan perkembangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah elok jika Kerajaan dapat memberi lagi kemudahan-kemudahan kepada pesara-pesara itu sebelum mereka bersara, kemudahan ke-rihatan dan kemudahan menunaikan fardu haji bagi orang Islam patutlah diadakan kerana kadang-kadang ada pegawai yang sebelum pencen telah memikirkan mereka bertugas dengan tidak ada rihat. Kalau ini berlaku maka Kerajaan hendaklah memikirkan soal kemudahan bagi pegawai-pegawai yang demikian rupa. Pada keseluruhannya Undang-undang Pencen ini disatukan di seluruh negara ini, di dalam peraturan-peraturannya dapat dilaksanakan di seluruh negara dan keseluruhan pesara-pesara tidak kira pegawai tinggi atau juga pegawai-pegawai lain.

Saya menyentuh pencen tentera dan polis, ini banyak juga mendapat rungutan. Umpamanya, seorang polis meninggal dunia sewaktu menjalankan tugas kerana kemalangan atau lain-lain, sedangkan ia masih lagi dalam pangkat polis biasa, belum mendapat kenaikan pangkat. Oleh kerana menegenangkan jasa dan khidmatnya dan oleh kerana dia mendapat kecelakaan atau kemalangan dalam menjalankan tugas, kalau ia masih hidup maka mungkin ia mendapat kepujian atau mendapat kenaikan pangkat, kalau ia telah meninggal dunia sewaktu menjalankan tugas, maka sepatutnya ia juga mendapat kepujian dan mendapat kenaikan pangkat dan dapat kenaikan gaji pula sesuai

dengan pangkat yang disandangnya walaupun dia sudah meninggal dunia. Maka dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, balu-balunya patutlah disegerakan menerima pencen baru sesuai dengan pangkat Allahyarham suaminya itu kerana perkara ini ada berlaku.

Di dalam pelaksanaan pembayaran ini amat lambat sekali dan meragukan, kadang-kadang memakan waktu lebih setahun baru dapat, kadangkala sampai mengganggu kehidupan keluarganya, sedangkan dalam perkara ini balu itu terpaksa menghadapi banyak masalah (problem) anak, rumah-tangga, keluarga, hutang-hutang persekolahan dan lain-lain lagi, terpaksa ia hadapi bersendirian. Apa lagi kalau keluarga berjauhan dan berkeuzuran maka tentulah amat sulit sekali bagi si balu untuk menyelesaikan dalam perkara ini.

Kepada pasukan polis dan tentera atau pegawai-pegawai keselamatan dalam masalah ini patutlah bertindak segera dan diberi keutamaan dalam perkara ini, apabila terjadi seperti apa yang saya sebutkan tadi. Janganlah dilengah-lengahkan dengan berbagai-bagai alasan sedangkan semua perkara ini tentu telah lengkap disusun kalau dikehendaki segera maka boleh disegerakan kerana semua tindakan ini adalah dalam perhatian dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak atasan. Jadi diharap pihak Kerajaan patutlah mengambil perhatian apabila Rang Undang-undang ini sudah diluluskan dan dipersetujui.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya ini, saya ingin menyentuh Fasal 12 dan Fasal ini berbunyi:

“12. Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai lain daripada pegawai negeri, atau Pihakberkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai apabila atau setelah ia mencapai umur—(a) empat puluh lima tahun bagi”

beberapa orang pegawai di bawah ini. Dalam masalah ini apa yang hendak saya katakan pendapat saya harus berlainan dengan pendapat sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, dan pendapat saya khusus kepada seorang pegawai wanita.

Saya berterima kasih kerana diberi peluang kepada pegawai wanita yang berumur 45 tahun boleh pencen sebagaimana disebut dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi apa yang saya hendak kemukakan kalau boleh di masa akan datang waktu hendak meminda Rang Undang-undang ini maka Kerajaan patut memikirkan pula untuk pegawai-pegawai wanita khususnya—yang lain saya tidak hendak sentuh—janganlah sampai 45 tahun, biarlah dapat dikurangkan lagi kepada pegawai-pegawai wanita ini menurut kadar umur 40 tahun sahaja ataupun lebih kurang 35 tahun. Sebab saya mengatakan demikian kerana di masa akan datang mahu tidak mahu bila masyarakat sudah memahami kewajipan, tanggungan seorang isteri apa lagi dari segi hukum syarak di mana kita sama-sama tahu kesusahan bagi seorang isteri itu kalau dia keluar pergi bertugas meninggalkan rumah dan anak.

Menurut dengan kadar umur dan dia berkhidmat lama masanya itu yang saya katakan mahu tidak mahu terpaksa dia memohon berihat dengan meletakkan jawatan dalam perkhidmatannya, oleh kerana hatinya tidak berkehendak tetapi keadaan masa yang memaksakan pilih antara satu. Apabila masyarakat telah memahami kewajipan-kewajipan wanita yang bertanggungjawab lebih berat, kalau dianggap lelaki tanggungjawabnya berat di luar rumah sebagaimana kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi.

Kalau lelaki memandang tanggungjawabnya berat di luar rumah dengan tangan kanannya maka wanita dengan tangan kirinya membuai buaian di dalam rumah itu adalah lebih berat tanggungjawabnya, lebih berat dari lelaki kerana lelaki tidak menghadapi masalah yang berat seperti kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik “mengandung”. Wanita tambahannya “mengandung”.

Dalam masalah ini barangkali ada reka-rekaan moden seperti suntikan dan sebagainya yang datang daripada luar barangkali tahun 1982 lelaki hendak mengandung—tidak tahulah, pada anggapan saya perkara ini tidak mungkin. Jadi dalam masalah tanggungjawab yang berat inilah mahu tidak mahu wanita mesti pilih antara dua sama ada dia berihat dan meletakkan jawatannya atau menghadapi tanggungjawab yang penting ini. Jadi dalam masalah inilah saya mengatakan Kerajaan patut sebagai me-

mandang jasa seseorang wanita yang berkhidmat di Jabatan Kerajaan tadi janganlah memandang sepi kalau keadaan memaksa mereka meletakkan jawatan kerana menurut kadar-kadar umur yang kurang seperti saya tuturkan tadi, jadi patutlah Kerajaan mengambil perhatian berat membuat perubahan Rang Undang-undang ini khusus kepada wanita yang memberikan pencen-pencen yang sewajarnya. Inilah yang saya katakan pendapat saya lain dengan kawan-kawan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap lebih dahulu tadi di mana Datuk Haji Ahmad Arshad mengatakan biarlah wanita umurnya jangan 45 tahun, tetapi saya minta dikurangkan lagi waktu kita meminda Rang Undang-undang Pencen ini.

Inilah sahaja rasa saya dan tidak perlulah lagi saya hendak baca satu persatu Fasal ini kerana saya pandang hari ini banyak perkara yang telah disentuh oleh saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi tidak payahlah saya hendak sentuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pencen 1979 ini untuk pegawai-pegawai kita yang sudah pencen bagi mendapatkan nikmat-nikmatnya dengan segera.

5.38 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan di samping itu saya suka menyatakan pandangan saya seperti berikut.

Akta Pencen ini sendiri adalah kosot (complicated) bukan sahaja Rang Undang-undang yang ada sekarang tetapi juga Akta yang masih dipakai sekarang. Secara am pada pendapat saya Rang Undang-undang ini tidak menerangkan mengapa patut diadakan segala perubahan atau pindaan yang dicadangkan. Adalah penting bahawa kita sebagai Ahli-ahli Parlimen sepatutnya diberitahu sebab-sebab pemindaan ini. Saya berharap seperti yang telah dinyatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin semalam sebab-sebabnya akan diberitahu sebentar lagi.

Dalam Fasal 1 seksyen-kecil (2) (a) kita tidak pasti segala kategori yang mana dalam Perkhidmatan Awam yang telah memilih Skim Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 iaitu "Tafsiran" tidak menyentuh apakah elau pencen. Fasal-fasal ini jika tidak dijelaskan dengan terang akan menimbulkan kekeliruan apabila ianya diluluskan kelak, permintaan yang boleh dikemaskini tidak lengkap ditafsirkan dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 adalah nampaknya kurang adil kerana ini akan membawa keadaan yang tidak selamat terhadap pemegang jawatan seseorang pegawai awam walaupun tiada apa-apa jenis kesalahan yang dilakukan olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong yang diberi oleh Akta ini adalah terlampau ditekankan terutama sebagaimana yang kita lihat dalam Seksyen 5 dan Seksyen 2 (i). Had umur bersara hendaklah 60 tahun dan bukan 55 tahun dan dalam kes pegawai wanita 50 tahun supaya pengalaman mereka masih dapat digunakan oleh Kerajaan.

Suka saya menyatakan agar Menteri yang berkenaan lebih awas mengenai Seksyen 11 Rang Undang-undang ini. Fasal 11 (a) menyebut "atas alasan kepentingan negara; atau (b) demi kepentingan perkhidmatan awam." Yang di-Pertuan Agong atas permohonan pegawai itu memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai. Ini adalah satu Fasal yang luas yang memberi pegawai Penimbangtara, Ketua Jabatan, jika perlu, untuk mendapatkan persetujuan dengan paksa atau dengan cara yang tidak bertanggungjawab. Apabila diluluskan saya berharap ianya tidaklah digunakan dengan berat sebelah ke atas pegawai awam sebagai satu helah untuk memberhentikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 14 (2) membuat 12½ tahun pencen terbitan. Saya sendiri tidak tahu mengapa 12½ tahun ini timbul. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan. Saya lihat bahawa tidak terdapat di dalam Rang Undang-undang ini apa yang akan berlaku sekiranya seorang bujang ataupun dara yang menjadi pegawai-pegawai awam mati selepas bersara. Adakah tanggungan mereka iaitu ibubapa mereka akan berhak mendapat pencen mereka. Terdapat kes-kes di mana ada di kalangan pegawai yang memilih untuk membujang atau tidak mahu kahwin kerana menanggung ibubapa atau lain-lain tanggungan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan seharusnya diberi pujian kerana membuat satu usaha dalam Seksyen 17 dengan memasukkan pencen hilangupaya. Ini akan menanamkan perasaan keyakinan kepada pegawai-pegawai awam dan memegang jawatan yang lebih selamat.

Seksyen lain yang telah memberi ke-longgaran yang panjang ialah Seksyen 26 Rang Undang-undang ini dengan memberikan pencen dan lain-lain kepada tanggungan tanpa memerlukan mengambil probet atau surat mentadbir pesaka. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana ini akan mengelakkan kelewatan dalam pembayaran pencen di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.45 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi beberapa ulasan di dalam Rang Undang-undang Pencen yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sekarang.

Sebelum daripada saya menyentuh satu persatu di dalam fasal-fasal yang hendak saya ulaskan ini, terlebih dahulu saya sukalah menarik perhatian kepada Fasal 19. Undang-undang ini sebagaimana yang dinyatakan naskah sahihnya adalah dalam Bahasa Malaysia kerana Undang-undang ini telah dibuat selepas daripada Akta Bahasa Kebangsaan, 1967. Menurut di bawah Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 mana-mana Undang-undang yang dibuat selepas daripada tarikh itu hendaklah naskah sahihnya dalam Bahasa Malaysia dan Undang-undang yang dibuat naskah sahihnya bahasa Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Jadi berertilah Undang-undang pencen ini originalnya di dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris itu terjemahan sahaja. Tetapi di dalam Fasal 19 ini saya tidak berapa faham Bahasa Malaysia yang digunakan kerana saya tidak berapa

faham bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun saya boleh mengerti juga sedikit-sedikit ayat-ayat di dalam bahasa Inggeris.

Fasal 19 berbunyi:

"19. Apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud:

(a) x x x x x x x

(b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, pegawai yang telah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah itu."

Jadi itulah saya kata ayat yang digunakan di sini tidak begitu difahami kerana dalam naskah bahasa Inggerisnya lain, kalau kita baca naskah bahasa Inggerisnya Fasal 19 ini lain, ada dengan tambahannya yang bagus. Misalnya:

"(b) an order of a Court"

Di dalam Fasal 20 (a) pula berbunyi:

"(a) ia dihukum menjadi bankrap atau disytiharkan sebagai takberkemampuan oleh sesuatu Mahkamah,"

Itu terjemahan dalam Bahasa Malaysia, ada pula dikatakan di situ "sesuatu" tetapi di dalam Fasal 19 ini tidak ada—"Court" itu diterjemahkan "daripada Mahkamah" sahaja—tidak mengapalah, boleh faham juga. Tetapi yang lebih dahsyatnya ayat yang akhir:

" supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, pegawai yang telah diberi pencen,"

Jadi bererti "pegawai" ini nampaknya termasuk juga. Dalam naskah bahasa Inggerisnya tidak begitu, terang dijelaskan:

" whether legitimate or not, of the officer to whom the pension, gratuity or other benefit has been granted."

Perkataan "of the officer" mestilah diterjemahkan sebagai "kepada pegawai" dan kita mesti mengatakan "(b) menunaikan

perintah daripada *sesuatu* Mahkamah"—ditambah "*sesuatu*" sebagaimana naskah bahasa Inggerisnya; ". sesuatu Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa sama ada sahtaraf atau tidak" kemudian jangan dibubuh", "(koma) tetapi diteruskan ". kepada pegawai yang telah diberi pencen" Ini bererti isteri dan anak kepada pegawai itu, bukan pegawai itu yang diberi pencen. Tetapi saya tidak tahu terjemahan orang undang-undang ini, boleh jadi saya salah, kerana saya bukan ahli undang-undang.

Jadi bila saya cuba fahaman dalam Bahasa Kebangsaan, saya tidak dapat faham, maknanya Bahasa Melayu saya tidak datang kepada maksudnya. Tetapi apabila saya rujuk ke bahasa Inggeris walaupun saya lompat gagak saya boleh faham sedikit terjemahan dia, "of whom" tadi ada disebutkan. Ini tiada "of" itu. Terjemahan "of whom" itu kepada siapa pegawai itu diberi pencen. Jadi itulah saya harap kalau naskah dalam Bahasa Kebangsaan, patutnyalah naskah ini tidak usahlah pakai cara Inggeris, sebagaimana yang saya ulaskan dahulu. Biarlah dengan Bahasa Kebangsaan yang mudah dan bila hendak terjemah dalam bahasa Inggeris, itu ikut pandai dialah. Ini nampaknya yang ada pada hari ini kalau tidak dirujuk kepada bahasa Inggeris kita tidak faham pula. Apa akan jadi kepada orang-orang yang tidak faham bahasa Inggeris seperti saya ini, memang saya tidak erti, sedikit-sedikit sahaja yang saya erti. Saya harap pihak yang membuat undang-undang tolong bercermat pada masa akan datang supaya undang-undang kita ini terpelihara dan tarafnya baik.

Di dalam undang-undang ini walau bagaimanapun disebut oleh saudara-saudara saya yang terdahulu, saya sangat tertarik, yang pertama sekali berkenaan dengan Fasal 26 iaitu membenarkan pembayaran pencen kepada orang-orang tanggungan pesara jika pesara mati sebelum menerima pencen dengan tidak payah menerusi surat men-tadbir pesaka (letters of administration). Memang perkara ini satu perkara baru. Pada masa dahulu inilah perkara yang selalu dipersoalkan. masing-masing bertegang urat mengatakan perkara ini undang-undang.

Perkara undang-undang tidak boleh diketepikan. Dengan sebab itulah kalau sekiranya seorang itu mati walau macam mana pun mesti diambil surat kuasa (l.a.). Untuk mendapat l.a. itu sebagaimana yang dikatakan dahulu bergantung kepada orang jamin. Kalau sekiranya hartanya banyak sedikit, perkara ini bergantung kepada Mahkamah Besar, bergantung kepada Estate Duty di Kuala Lumpur ini. Hingga ada perbicaraan di Mahkamah ini, surat kuasa belum dapat lagi orang terpaksa menjual harta kerana hendak menjamin dan mencari orang jamin terpaksa membayar wang. Ini satu perkara yang amat sulit di dalam sejarah orang mengambil kuasa di Mahkamah. Tetapi dengan adanya cara ini nampaknya Kerajaan bersimpati kepada pegawai-pegawainya dan tidak payah mengambil kuasa, menyerahkan pencen itu kepada orang-orang tanggungan.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat terdahulu dari saya tadi di dalam undang-undang ini pula macam mana takrif Kerajaan kita berkenaan dengan orang tanggungan. Orang tanggungan ini kalau menurut ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara Malaysia ialah selain daripada isteri, selain daripada anak, maka ibu-bapa juga menjadi tanggungan kita jikalau ia tidak ada berharta. Dalam undang-undang ini langsung ibu-bapa itu seolah-olahnya bukan orang tanggungan. Sebab itulah di dalam undang-undang ini di dalam Fasal 19 ini apakala surat kuasa itu tidak payah lagi diambil di Mahkamah maka pencen orang-orang pesara ini bolehlah diberi kepada isteri ataupun kepada anak atau anak yang tidak sahtaraf. Anak yang tidak sahtaraf ialah anak gampang, anak zina. Jadi dalam undang-undang ini lebih mengutamakan anak zina daripada ibu-bapa. Ini satu perkara yang saya fikir tidak kena, memang tidak patut. Apa fasal hendak diberi kepada anak zina kerana mengikut syarak anak zina tidak boleh kita beri, itu adalah tanggungan Kerajaan, Kerajaan yang memberikan pada dia, bukan tanggungan kepada orang yang berzina itu.

Begitu juga di dalam fasal yang lain. Apakala disebutkan misalnya di bawah Fasal 21 iaitu seorang yang dikenakan hukuman penjara bagi sesuatu tempoh oleh sesuatu mahkamah, pencennya akan terhenti dengan serta-merta. Tetapi, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi elaun tanggungan kepada

isteri atau anak pesara itu sahaja. Jadi ganti kepada pencen itu diberi elaun. Yang di-Pertuan Agong boleh memberi elaun, orang yang dihukum penjara itu pencen dihentikan dengan serta-merta tetapi elaun tanggungan diberi kepada isteri dan anak. Jadi timbulah masalah jika pesara itu orang bujang, dia tiada anak tiada isteri, kalau sekiranya dia mati macam mana pencen dia? Tidakkah diberi kepada ibu-bapa dia atau kepada waris-waris yang lain. Maka bagaimana yang dikatakan oleh Menteri Undang-undang tatkala membentangkan undang-undang ini dahulu mengatakan pencen itu bukannya harta pesaka sebab itulah tidak boleh dikira dia harta pesaka. Kerajaan beriklan itu sama ada sebagai ihsan daripada Kerajaan, tetapi kalau hendak dikatakan ihsan daripada Kerajaan, tidak betul juga kerana ini diberi kepada jasa dia, kalau dia tidak berjasa, tidak diberi pencen. Maka pencen ini apa dikatakan hadiah, habuan atau apapun tidak tahulah, tetapi tidak menjadi harta pesaka. Baiklah kalau tidak menjadi harta pesaka, tetapi hendak beri kepada dia, dia sudah mati, hendak beri kepada orang tanggungan dia, orang tanggungannya mengikut segi kaca mata mana? Kalau mengikut segi kaca mata Islam orang tanggungan dia itu selain daripada isteri dia, selain daripada anak dia, ibu-bapa dia juga. Jadi saya tidak tahulah, tatkala undang-undang ini dibuat mereka lihat dari segi kaca mata mana, sayapun tidak tahu. Saya harap mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan kelak.

Di dalam masalah pencen ini, ini adalah satu masalah besar. Masalah yang bergantung kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kepada perkhidmatan awam sebagaimana yang dinyatakan di dalam tafsiran Fasal 2 dalam undang-undang ini. Orang-orang ini berhak mendapat pencen. Tetapi sebagaimana yang dikatakan dahulu, Undang-undang Pencen ini bukannya undang-undang baru. Undang-undang telah dibuat dalam masa penjajah lagi sampai kepada Malaysia merdeka sampai kepada masa sekarang. Maka oleh Kerajaan kita sekarang ini, Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang berjiwa rakyat yang memahami benar-benar akan kehendak-kehendak rakyat maka itulah sebabnya Undang-undang Pencen yang ada itu hendak disatukan dan yang lain itu hendak dimansuhkan, dijadikan Undang-undang Pencen yang ada di hadapan kita ini satu Undang-undang Pencen yang tunggal. Tetapi

di dalam dia mengatakan Undang-undang Pencen yang tunggal ini ada juga disyaratkan iaitu dengan syarat Undang-undang Pencen yang lama iaitu Ordinan Pencen 1951 dipakai juga bagi orang-orang yang telah memilikinya. Patutnya tidaklah begitu. Kalau sekiranya sudah hendak disatukan, pilih atau tidaknya, pakai yang ini juga, syarat-syarat ini masukkan ke sini kerana sekarang ini satu kerumitan yang besar berlaku ialah basic pension.

Pada masa dahulu, sebelum daripada Suruhanjaya Aziz, sebelum daripada Suruhanjaya Suffian, sebelum daripada Suruhanjaya Harun maka basic pencen itu didasarkan kepada 1/600 yang diberi kepada pegawai-pegawai yang telah berkhidmat genap 400 bulan ataupun 33 tahun. Siapa yang berkhidmat 33 tahun ataupun 400 bulan maka dia diberi 1/600. Tetapi oleh kerana pegawai-pegawai masa itu mengatakan zaman inflasi, gaji yang ada tidak cukup, Kerajaan melantik tiga buah suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Aziz untuk bidang perguruan, Suruhanjaya Suffian bagi pegawai-pegawai awam dan Suruhanjaya Harun bagi badan-badan berkanun, dalam satu masa.

Pendek kata ketiga-tiga Suruhanjaya ini adalah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya gaji pegawai-pegawai ini dinaikkan. Dan Kerajaan kita bersetuju, tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam syorsya yang ada di dua Suruhanjaya itu iaitu Suruhanjaya Aziz dan Suruhanjaya Suffian mengesyorkan supaya pencen itu dkecilkan lagi daripada basic dia 1/600 dan dijadikan 1/800. Walaupun gaji dia naik tinggi tetapi pencennya diperendahkan. Kerana tujuannya walaupun pencen 1/800 diperendahkan, besar juga pencen dia dengan sebab gajinya besar.

Pegawai-pegawai Kerajaan pada masa itu tidak kira. Dia hendak gaji tinggi sahaja, disuruh sains, sainslah, Tuan Yang di-Pertua, tidak kiralah. Masing-masing pun sainslah; termasuk saya seorang daripadanya pada masa itu (*Ketawa*). Perkara ini telah berjalan daripada tahun 1970 sampai 1975. Pada masa itu inflasi semakin naik. Jadi oleh kerana inflasi semakin naik merayu pula pegawai-pegawai Kerajaan supaya gajinya ditambah. Maka Kerajaan telah melantik pula satu suruhanjaya baru iaitu Suruhanjaya Ibrahim Ali. Ibrahim Ali setelah menyiapkan kerjanya sebagaimana yang kita maklum, tetapi

sebelum Ibrahim Ali mengemukakan penyataannya, Kerajaan sendiri telah mengemukakan syor Suruhanjaya Ibrahim Ali itu dan Kerajaan sendiri mengesyorkan gaji baru iaitulah "Laporan Gaji Kabinet". Di dalam gaji baru ini, inilah dibuatnya pula Akta Pencen di hadapan kita sekarang ini.

Di dalam ini dikatakan pencen itu berdasarkan kepada 1/600. Belum masanya itu tidak oleh lebih daripada separuh gaji. Maknanya orang yang berkhidmat lama di bawah Suruhanjaya Gaji Kabinet ini kalau gaji dia \$1,000 boleh dapat pencen \$500. Kalau gajinya \$2,000 dia boleh dapat pencen \$1,000. Bukan main tinggi. Tetapi apa halnya orang yang di bawah Suruhanjaya Aziz, orang yang di bawah Suruhanjaya Suffian yang telah diperturunkan pencennya daripada 1/600 kepada 1/800. Saya fikir ini di mana ada keadilan. Jika kita tengok gajinya pula misalnya di dalam bidang perguruan, Suruhanjaya Aziz di dalam syor gajinya, gaji guru-guru ini diperjeniskan seumpamanya kita katakan di dalam Kategori C (1) dan C (2). Gaji C (2) misalnya \$880 maksima. Kalau Special Grade sampai \$1,000.

Tetapi di dalam Laporan Suruhanjaya Gaji Kabinet ini pula gaji \$1,000 tadi dinaikkan ke \$1,200; dekat \$200 naik. Maka di dalam penyata Laporan Suruhanjaya Aziz tadi gaji orang yang \$1,000 tadi dapat 1/600 pencennya. Di dalam Laporan Gaji Kabinet ini yang gajinya \$1,200 dia akan dapat separuh iaitu \$600. Ini perkara yang menyebabkan tidak puas hati dan samping itu pula Suruhanjaya Harun iaitu untuk badan berkanun dia pakai 1/600 sebagaimana dahulu juga, Kerajaan terima. Jadi Kerajaan kita terlampau baik apakala serah sahaja kepada dia, dia terima selalu! Jadi hak 1/600 pun dia terima, 1/800 pun dia terima. Tidak apalah terima yang lepas tetapi apakala dia buat pindaan baru ini patutlah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Pencen ini, oleh kerana undang-undang pencen yang lama sudah dimansuhkan dengan adanya Undang-undang pencen yang baru ini maka basic yang di dalam laporan Suruhanjaya Aziz dan di dalam Suruhanjaya Suffian yang berasaskan 1/800 itu hendaklah dibetulkan balik dan dijadikan 1/600. Itu baru betul.

Saya harap perkara ini dapat diperbaiki balik. Maka moleklah di dalam Rang Undang-undang ini dibetulkan balik iaitu di

bawah Fasal (22) dan begitu juga di bawah Fasal (1) tadi yang mana dikatakan Akta ini dikira berjalan daripada 1hb Januari, 1976. Kita ini sudah tahun 1980. Jadi Akta ini berjalan daripada 1hb Januari, 1976 kerana 1hb Januari, 1976 itu mulanya berjalan Skim Kabinet ini. Apalah salahnya mulai 1hb Januari, 1970 ambil empat tahun lagi supaya merangkum Suruhanjaya Aziz dan Suruhanjaya Suffian itu supaya orang-orang yang pencen dan pada masa itu mendapat rahmat sedikit. Bukan mendapat gaji baru, tetapi pencennya itu dibetulkan balik.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal (7) seseorang pegawai tetap boleh diberikan taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah disahkan di dalam jawatannya yang sekarang dan genap tempoh selama tidak kurang daripada 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

Di sini saya suka mengemukakan pertanyaan kerana setahu saya sampai sekarang ini banyak lagi pegawai-pegawai yang tidak dimasuk dalam skim berpencen walaupun mereka itu bekerja lebih daripada 10 tahun dan banyak di antaranya sudah berhenti tanpa pencen, tidak dapat apa-apa satu. Seumpamanya saya katakan Pegawai Kemajuan masyarakat, Pegawai Penerangan Khas Bahagian Ugama yang telah dipakai barangkali 15 tahun serta Pegawai Rancangan Tanah Pinggir dan sebagainya. Jadi apalah yang ditunggu-tunggu begitu lama, masuklah. Kalau sudah dibuat begitu pegawai menjadi pegawai berpencen dan baru ini kita dengar pula di dalam suratkhobar, saya tidak tahu betul atau tidak betulnya. Di negeri Johor misalnya guru-guru ugama di negeri itu telah dimasukkan dalam skim yang berpencen. Tetapi dia tidak diproses sampai sekarang. Sudah berapa tahun dimasukkan ke bahagian berpencen tetapi tidak diproses lagi sampai sekarang. Jadi ia masih lagi membayar Provident fund; macam mana? Ini 200-300 orang, bukannya seorang. Inilah cara-cara kelambatan yang berlaku. Kalaulah ada di antaranya yang mati macammana? Wallahuallah! Macam mana dia hendak terima pencen padahal dia belum diproses lagi?

Apakala saya mengemukakan pertanyaan ini, jawapannya saya tidak boleh bawa di dalam Parlimen kerana perkara ini menyalahi Fasal berapa wallahuallah! Jadi saya patuh, dan tidak apalah. Tetapi

perkara-perkara yang semacam ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh. Dia adalah hak seseorang. Jikalau Kerajaan kita membuat undang-undang pencen yang semacam ini sepatutnya orang yang berhak membuat pencen itu selalu ataupun serta-merta hendaklah dia jadi pegawai yang berpencen dan diproseskan selalu jangan tunggu-tunggu lagi. Ini menjadikan anianya kepada dia kalau tidak diproseskan.

Di bawah Fasal 20, saya suka menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, kerana ayat di situ saya sendiri berasa tidak puas hati.

“20 (1) Seseorang pegawai tidak boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah jika pada tarikh ia bersara daripada perkhidmatan awam—

(a) ia dihukum menjadi bangkrap atau diisytiharkan sebagai takberkemampuan oleh sesuatu Mahkamah sama ada di Malaysia atau di tempat lain;”

Perkara ini telahpun dibincangkan oleh sahabat-sahabat saya terdahulu. Masalah bankrap ini tidak ada siapa pun hendak menjadi bankrap. Kalau dijalankan undi tidak ada seorangpun hendak menjadi bankrap, tetapi terjadi juga perkara bankrap itu kerana salah langkah ataupun nasibnya kurang baik iaitu kebanyakan orang-orang berniaga. Maka tidak apalah dia bankrap hendak buat macam mana kerana nasibnya tidak baik telah menjadi bankrap. Dia dihukum oleh sebuah Mahkamah, manakala Mahkamah Malaysia tak apalah—bagus tetapi kalau mahkamah di Korea dia bankrap tiba-tiba pencennya di sini dilucutkan juga, saya fikir ini tidak kena, Tuan Yang di-Pertua. Apa kena-mengena Mahkamah di lain tempat itu dibangkitkan di Malaysia. Kalau hendak dibangkitkan di lain tempat katakanlah negara-negara dalam Commonwealth ada molek sedikit iaitu oleh Mahkamah di Malaysia atau di mana negara-negara di dalam Commonwealth, molek sedikit, ada hubungannya. Di tempat lain ini umum bahkan di dalam negeri Russia pun kalau dia jatuh bankrap pencennya juga ditahan di negeri ini. Ini saya fikir tidak patut. Ayat “di tempat lain” ini patut dipotong dibubuh di mahkamah Malaysia cukuplah. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang potonglah ayat di situ biar bubuh di Malaysia sahaja.

Berkenaan dengan bankrap ini juga, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi bankrap ini kerana apa, bankrap ini ada bermacam-macam, kerana hutangnya banyak. Jadi, kalau sekiranya kerana hutangnya banyak dia bankrap dan ditahan pencennya mungkin lagi bankrap (*Ketawa*) apa dia hendak makan. (*Seorang Ahli Yang Berhormat: betul, betul—bagus—double bankrupt*).

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 24, saya kurang faham di sini:

“Seseorang pesara yang telah diambil kerja semula dalam jawatan tetap apakala berhenti tidak dapat apa-apa tambahan pencen atau ganjaran.”

Itu yang dahulu tetapi di bawah Undang-undang ini boleh.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah orang bekerja balik. Seorang pegawai Kerajaan yang telah berpencen dia bekerja balik, ada bermacam-macam masalah. Kalau sekiranya orang itu seorang Ahli Parlimen sama ada dia Wakil Rakyat atau Ahli Dewan Negara dia berkhidmat di dalam dua penggal dia dapat pencen. Kalau dia berhenti dia dapat pencen tetapi kalau dia masuk sekali lagi maka pencennya itu ditambah juga di bawah Undang-undang Ahli-ahli Parlimen—ditambah lagi pencennya tadi, kalau dia dapat \$300 ditambah \$100 lagi menjadi \$400 kerana dia mula berkhidmat balik. Pegawai Kerajaan di dalam undang-undang yang lama tahun 1951 itu tidak, kalau dia sudah berpencen apakala dia berkhidmat balik hapus begitu sahaja tidak dikira tetapi di bawah Fasal 24 ini dikira balik. saya pun tidak tahu—tidak berapa faham.

Saya buat contoh pada diri saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu, saya bingung hendak dicerita. Di dalam masa Jepun masuk Malaysia (Malaya masa itu) saya dipelawa oleh Jabatan Ugama Trengganu bekerja menjadi guru dengan gaji Kerajaan tahun 1942. Saya menjadi guru ugama di sekolah Arab, kerana dikatakan kekurangan pegawai. Maka bekerjalah saya dengan bertungkus lumus tetapi apakala negeri ini Jepun kalah, BMA datang semula (British Military Administration) orang yang bekerja macam itu tidak semuanya diakui, ada dikeluarkan Circular, mana-mana orang yang berkhidmat dalam masa pemerintahan

Jepun menduduki Tanah Melayu maka perkhidmatannya tidak dikira dan tidak diakui dengan serta-merta terlucut jawatan saya selepas saya berkhidmat hampir 4 tahun. Apakala saya hendak bekerja lain, Jabatan Ugama kata jangan, tak apalah kita bayar gaji awak dengan gaji zakat, Pejabat Ugama kaya dengan zakat.

Mulai daripada tahun 1946 saya terima gaji zakat, jawatan itu juga sehinggalah 1950 baharulah saya masuk berkhidmat dengan gaji Kerajaan balik. Tahun 1950 sampai kepada tahun 1973 umur saya sampai 55 tahun dalam perkhidmatan perguruan saya dipencenkan. Tetapi oleh kerana Jabatan Ugama Trengganu berhajat kepada tenaga saya mahu menjadikan saya sebagai Pegawai Penerangannya, maka dia sudah mengangkat kepada Kerajaan, dia kata saya tidak boleh berhenti, beri pencen tetapi kena bekerja balik. Saya kena bekerja balik menjadi Pegawai Penerangan, Pejabat Ugama Trengganu daripada tahun 1973 hingga 1977. Dalam bulan Oktober, 1977 maka Dewan Undangan pun bersidanglah hendak menghantarkan seorang Senator di sini. Timbang punya timbang, kononnya naiklah nama saya dengan tidak meminta.

Saya diperintahkan datang di sini dengan meninggalkan jawatan Pegawai Penerangan itu sampai sekarang saya berada di sini sebagai seorang Senator. Saya tidak tahulah, lepas saya berhenti tahun 1973, 4 tahun saya di Jabatan Penerangan, apakala saya berhenti satu sen pun saya tidak dapat imbuhan, sekarang mari di sini pula. Kalau sekiranya saya berhenti satu penggal nampak gayanya saya tidak akan dapat satu sen pun juga (*Ketawa*). Maknanya 4 tahun Pegawai Penerangan, 6 tahun di dalam Dewan ini kalau dipanjangkan umur menjadi 10 tahun pula, ini apa macam? Sepatutnya Undang-undang semacam ini patut dibuat, adakan di sini di dalam seksyen yang akhir sekali dan ditutupkan kuasa Yang di-Pertuan Agong itu dengan memansuhkan sahaja Undang-undang Pencen 1951.

Sepatutnya Undang-undang di dalam yang akhir itu hendaklah diberi kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong; Yang di-Pertuan Agong ada kuasa boleh membuat apa-apa pertimbangan dalam masalah-masalah yang berbangkit ataupun masalah-masalah yang luar biasa ataupun masalah-masalah yang di luar jangka boleh membuat pertimbangan

tetapi tidak ada di dalam Undang-undang ini, ditutupkan dengan kemansukhan Undang-undang Pencen 1951. Jadi, saya nampak kudung juga di sini. Saya tahu Undang-undang ini jangan berakhir begitu, tetapi berakhir dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong kita ada kuasa.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan di Majlis yang mulia ini ada baiknya kalau disebutkan begitu kerana pada masa dahulu mengikut Undang-undang pencen yang lama di bawah pemerintahan British ada disebutkan kuasa High Commissioner itu boleh membuat pertimbangan khas. Maka perkara ini telah berlaku di negeri Trengganu, saya tidak tahu di negeri lain, apakala di dalam pemerintahan Bintang Tiga—selepas Jepun menyerah kalah Bintang Tiga memerintah negeri maka banyak orang terkena bunuh. Di antara orang yang terkena bunuh di negeri Trengganu itu ialah seorang D.O., saya tidak hendak sebutkan namanya ini adalah masalah peribadi, tetapi seorang D.O. kena bunuh. D.O. kena bunuh itu, dia ada anak isteri. Apakala negeri sudah reda sedikit, pihak isteri telah merayu kepada High Commissioner di Kuala Lumpur, apa nasibnya dia sudah kehilangan suami dibunuh oleh Bintang Tiga, sekarang hidupnya siapa hendak beri makan, anak-anaknya ramai. Maka dengan kuasa High Commissioner diberi pencen selagi dia tidak bersuami dan pencen anak-anaknya sehingga sampai cukup umur. Itu kuasa High Commissioner. Kalau kita tengok dalam Undang-undang ini tidak ada, itu saya katakan kudung. Jadi, inilah saya merayu Undang-undang seperti ini janganlah kudung mesti ada ekor sedikit (*Ketawa*).

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

6.20 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pencen, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita bincangkan atau bahas satu Rang Undang-undang berkaitan dengan pencen kita mesti teringat kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah pencen dahulu, sungguhpun itu tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang ini sebab Undang-undang ini untuk pegawai-pegawai yang akan berpencen.

Marilah kita ingat kakitangan-kakitangan serta pegawai yang telah menjalankan kerja begitu baik dan berdedikasi yang telah berpencen. Saya syorkan kepada Kerajaan semasa Kerajaan menaikkan gaji dari masa ke masa kita mesti ingat orang yang telah pencen dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini jika dikuatkuasakan akan memberi kuasa amat banyak kepada Kerajaan semasa Kerajaan mengawal satu-satu pegawai yang terlibat semasa menjalankan tugas-tugas mereka. Undang-undang ini juga akan menjadi satu amaran dan peringatan untuk meninggikan taraf, kecekapan dan berdedikasi semasa menjalankan pekerjaan mereka sebagai pegawai atau kakitangan Kerajaan. Dengan itu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perkhidmatan awam Malaysia oleh sebab negara kita amat bernasib baik kerana kita mengadakan satu sistem perkhidmatan awam yang cekap dan berdedikasi lebih kurang 80%. Sungguhpun memang ada banyak kelemahan-kelemahan jika dibandingkan di dunia Malaysian Civil Service is second to none dan mereka menjadi garis nyawa dalam satu negara yang sedang maju. Semasa kita mengadakan segala rancangan-rancangan—Rancangan Malaysia Ketiga dan kita akan mengadakan Rancangan Malaysia Keempat tidak lama lagi pegawai Kerajaan akan terus menjadi garis nyawa untuk Kerajaan, merekalah menjalankan segala rancangan-rancangan semasa mengimplementasi kerja. Jadi saya minta sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam mengesahkan pegawai-pegawai Kerajaan untuk mewujudkan pimpinan yang dinamis dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting saya ingin menarik perhatian iaitu pada masa sekarang apabila seseorang pegawai bersara mereka amat mengambil bahagian dalam peringkat politik kebangsaan sangat kurang. Apabila pegawai-pegawai kanan bersara selepas umur 55 tahun patut mereka digalakkan untuk mengambil bahagian dalam politik kebangsaan dengan tujuan meninggikan taraf politik.

Pada masa sekarang mesti Yang Berhormat-Yang Berhormat bersetuju dengan fikiran saya iaitu pegawai-pegawai Kerajaan tidak bersetuju dengan banyak Menteri-menteri dalam banyak hal. Oleh sebab dari

segala segi banyak Menteri-menteri kita bergantung terus kepada pegawai-pegawai Kerajaan, saya minta maaf oleh sebab saya bercakap dengan terus-terang. I am not here to please anybody and it is not our duty to come here to please any particular person. Dewan Senate ini amat penting, satu Dewan Perundangan yang tertinggi dan apa yang saya cakapkan itu bukan untuk memandang rendah Kerajaan kita tetapi saya mesti stress point ini, iaitu sungguhpun Kerajaan ini berjiwa rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ada juga Menteri-menteri yang banyak dinamis tetapi ada juga 40% kurang baik dalam pentadbiran kita, ada banyak kelemahan-kelemahan, kita terus bergantung kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Jadi untuk meninggikan taraf politik, taraf pentadbiran negara kita mesti menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengambil bahagian dalam politik kebangsaan, jadi pegawai Kerajaan tidak dapat main dengan ahli-ahli politik. Saya dengan itu amat hormat kepada Ahli-ahli Senate di sini jika dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat memang Dewan Negara itu amat tinggi pada masa sekarang—saya tahu, ini banyak Menteri-menteri bersetuju tetapi yang saya kata tadi itu mengenai Kerajaan, ini yang penting. Tujuan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato

Hussein Onn itu untuk memberi perkhidmatan yang cekap, kejujuran, dinamis terhadap rakyat. Rakyat telah memberi satu mandat yang terbesar sekali terus daripada masa merdeka sampai sekarang, patut kita dari masa ke masa kita meninggikan taraf pentadbiran Kerajaan kita. Jika banyak bekas-bekas pegawai kanan mengambil bahagian dalam politik ini saya ingat satu keuntungan kepada negara. Pelajaran mereka, pengetahuan serta kecekapan mereka akan menjadi keuntungan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sokong lagi sekali.

6.29 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut memberi sokongan Rang Undang-undang pencen, 1979. Pada mulanya saya ingat tak hendak bercakap, sebab masa sudah sampai

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah menyambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 14hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.